Spesifikasi Keperluan Pengguna (URS) : merujuk kepada proses mengenal pasti, menganalisis, dan mendokumentasikan keperluan fungsi jabatan pengguna bagi memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan operasi, sebagaimana yang dinyatakan dalam **Klausa 7.2(b) Perjanjian ini**.

1.2 Tafsiran

Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, tafsiran di dalam Perjanjian ini adalah seperti berikut –

- (a) resital-resital, mukadimah, klausa-klausa, lampiran-lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN-LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini hendaklah dianggap, diambil kira, dibaca dan ditafsirkan sebagai penting dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (b) sebarang rujukan kepada resital, mukadimah, klausa, lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini adalah ditafsirkan sebagai rujukan kepada resital, mukadimah, klausa, lampiran, kandungan Perjanjian ini dan LAMPIRAN yang berkenaan serta apa-apa dokumen yang dirujuk dalam Perjanjian ini melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (c) semua rujukan kepada peruntukan undang-undang adalah termasuk peruntukan yang telah dipinda, disemak dan dicetak semula;
- (d) tajuk dan subtajuk kepada klausa dalam Perjanjian ini adalah hanya untuk mempermudah rujukan sahaja dan tidak harus menjejaskan pentafsiran dan maksud ayat dalam Perjanjian ini;
- (e) perkataan yang membawa maksud jantina lelaki adalah juga merujuk kepada jantina perempuan dan juga sebaliknya;
- (f) perkataan yang membawa maksud satu boleh juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (g) perkataan yang merujuk kepada orang perseorangan adalah juga merujuk kepada kumpulan perseorangan, syarikat, perbadanan, firma atau rakan kongsi sama ada diperbadankan ataupun tidak diperbadankan;
- (h) apa-apa perkataan atau ungkapan yang ditakrifkan dalam Perjanjian ini adalah juga termasuk olahan tatabahasa dan ungkapan perkataan yang ditakrifkan;
- (i) sekiranya rujukan berkaitan dengan masa bagi sesuatu perbuatan yang harus dilakukan atau sesuatu persetujuan dicapai atau kebenaran diberikan, rujukan tersebut harus dianggap dibaca bersama ungkapan tersebut atau “mana-mana tempoh yang dipersetujui secara bertulis antara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini dari semasa ke semasa”;

- (j) apa-apa syarat atau terma teknikal yang tidak ditakrifkan secara khusus dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan menurut penggunaan atau definisi yang biasa diterima oleh mereka yang terlibat di dalam bidang dan industri ini di Malaysia;
- (k) apa-apa rujukan kepada “hari bekerja” bagi **DATUK BANDAR** hendaklah merujuk kepada hari Isnin hingga Jumaat bagi mana-mana negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Sabtu dan Ahad dan hari Ahad hingga Khamis bagi mana-mana negeri yang cuti hujung minggunya jatuh pada hari Jumaat dan Sabtu;
- (l) apa-apa rujukan kepada kaedah secara bertulis atau notis adalah termasuk sebarang komunikasi yang dihantar secara pos berdaftar berbayar, kabel, faksimili, mel elektronik atau cara lain yang sama dengannya;
- (m) perkataan “termasuk” hendaklah memberikan makna atau tafsiran apa-apa perkara lain berkenaan dengan Perjanjian ini atau Pembangunan Sistem selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu dan perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu adalah antara sebahagian daripada contoh-contoh mengikut mana yang berkenaan;
- (n) mana-mana rujukan kepada “hari”, “minggu”, “bulan” atau “tahun” adalah merupakan rujukan kepada hari, minggu, bulan dan tahun tersebut menurut kalendar Gregory;
- (o) apa-apa rujukan kepada “kelulusan” atau “kebenaran” hendaklah bermaksud kelulusan atau kebenaran secara bertulis, melainkan jika dinyatakan sebaliknya;
- (p) apa-apa rujukan kepada “Kedua-dua Pihak” hendaklah merujuk kepada pihak-pihak di dalam Perjanjian ini;
- (q) apa-apa LAMPIRAN, lampiran, dokumen, nota atau penerangan yang dirujuk dalam Perjanjian ini dan apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi bertulis padanya hendaklah ditafsirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini; dan
- (r) pernyataan “Perjanjian”, “Kontrak” atau pernyataan lain yang sama hendaklah mengandungi klausa yang terkandung dalam Perjanjian ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi dan perjanjian tambahan secara bertulis padanya.

2 SKOP PERJANJIAN

DATUK BANDAR bersetuju melantik **KONTRAKTOR** untuk melaksanakan Pembangunan Sistem tersebut dan **KONTRAKTOR** bersetuju menerima pelantikan tersebut berdasarkan atas terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian. Pihak-pihak bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan Pembangunan Sistem tersebut dengan berdasarkan kepada SST dan Surat Arahan Mula Kerja yang mana kesemuanya adalah meliputi keseluruhan Perjanjian ini.

3 HARGA KONTRAK

- 3.1. Tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya oleh **KONTRAKTOR** terhadap semua terma dan syarat dalam Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** bersetuju membayar kepada **KONTRAKTOR** sejumlah **RINGGIT MALAYSIA** < jumlah harga ditulis dengan perkataan > (**RM**<ditulis dengan angka>) **SAHAJA** (“Harga Kontrak”) sebagai balasan kepada pelaksanaan Pembangunan Sistem tersebut oleh **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini.
- 3.2. Tertakluk kepada subklausu 3.1 di atas, **DATUK BANDAR** hendaklah membayar hendaklah membayar kepada **KONTRAKTOR** untuk Pembangunan Sistem tersebut mengikut Jadual Bayaran di **LAMPIRAN 5** dalam tempoh masa empat belas (14) hari selepas dokumen-dokumen berikut diterima dengan lengkap dan sempurna oleh **DATUK BANDAR**:
- a) dua (2) salinan invois termasuk satu (1) salinan asal;
 - b) perakuan Pembangunan Sistem tersebut yang telah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa sebagai pengesahan bahawa Pembangunan Sistem tersebut telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan;
 - c) dokumentasi lain yang akan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** (sekiranya ada).
- 3.3. Pembayaran akan dibuat berdasarkan Jadual Bayaran bagi Pembangunan Sistem yang telah dilaksanakan dengan sempurna dan disahkan memenuhi Skop Kerja oleh **DATUK BANDAR**.
- 3.4. Walau apa jua yang dinyatakan dalam Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** tidak terikat untuk membayar keseluruhan Harga Kontrak dalam tempoh kuat kuasa Perjanjian ini. Pihak-Pihak bersetuju bahawa **DATUK BANDAR** sentiasa mempunyai hak pada bila-bila masa untuk menilai semula Harga Kontrak dari semasa ke semasa.
- 3.5. Sebarang pembayaran yang dibuat kepada **KONTRAKTOR** tidak boleh dianggap sebagai perakuan bahawa Pembangunan Sistem telah dilaksanakan mengikut terma dan syarat dalam Perjanjian ini. Pembayaran oleh **DATUK BANDAR** juga tidak mengecualikan atau melepaskan **KONTRAKTOR** daripada sebarang tanggungjawabnya di bawah mana-mana klausa lain dalam Perjanjian ini.

4 TEMPOH KONTRAK DAN PELANJUTAN

- 4.1. Tanpa mengira tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Tempoh Kontrak ini adalah selama <tempoh kontrak> (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tempoh Kontrak”), dan hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa mulai <tarikh mula> (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tarikh Mula”) hingga <tarikh akhir> (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tarikh Tamat”) melainkan Perjanjian ini dilanjutkan atau ditamatkan lebih awal selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian ini
- 4.2. Lanjutan Tempoh Kontrak
- (a) Sekiranya **DATUK BANDAR** mengambil keputusan untuk membuat lanjutan kepada Tempoh Kontrak, **DATUK BANDAR** hendaklah memberi notis bertulis mengenainya dalam masa tiga (3) bulan kepada **KONTRAKTOR**

sebelum Tarikh Tamat Perjanjian dan **KONTRAKTOR** hendaklah melanjutkan Tempoh Kontrak sebagaimana yang diperlukan oleh **DATUK BANDAR** menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak.

- (b) Sekiranya **KONTRAKTOR** berhasrat untuk melanjutkan Tempoh Kontrak, **KONTRAKTOR** hendaklah memberi notis bertulis kepada **DATUK BANDAR** mengenainya dalam masa tiga (3) bulan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian. Setelah menerima permohonan tersebut, **DATUK BANDAR** mempunyai hak mutlak dalam menentukan permohonan lanjutan tersebut dan apa-apa lanjutan yang dipersetujui akan dibuat menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak. Bagi mengelakkan kekeliruan, **DATUK BANDAR** tidak akan mempertimbangkan sebarang notis bertulis yang dikemukakan oleh **KONTRAKTOR** kurang dari tiga (3) bulan dan adalah tertakluk kepada Ganti Rugi Tetap di Klausula 14 Perjanjian ini.

- 4.3. Sekiranya Pihak-Pihak bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Kontrak, pelanjutan tersebut hendaklah dibuat melalui suatu perjanjian tambahan yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Namun, jika tiada persetujuan dicapai, Perjanjian ini akan tamat serta merta pada Tarikh Tamat Perjanjian.

5 BON PELAKSANAAN

- 5.1. **KONTRAKTOR** dengan ini mengemukakan kepada **DATUK BANDAR** suatu Bon Pelaksanaan bernilai **RINGGIT MALAYSIA <jumlah dalam perkataan> (RM<dalam angka>) SAHAJA**, yang tidak boleh dibatalkan oleh sebuah bank atau institusi kewangan. Bon Pelaksanaan ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh surat pengesahan penerimaan SST. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah berkuat kuasa dari Tarikh Mula Perjanjian ini sehingga DUA BELAS (12) BULAN selepas Tarikh Tamat Perjanjian ini atau tarikh pelaksanaan terakhir Pembangunan Sistem tersebut, mengikut mana-mana yang terkemudian. Salinan bagi Bon Pelaksanaan adalah seperti di **LAMPIRAN 9**.
- 5.2. Walau apa pun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** berhak pada bila-bila masa untuk menuntut sebahagian atau keseluruhan Bon Pelaksanaan sekiranya **KONTRAKTOR** gagal untuk melaksanakan atau memenuhi obligasinya di bawah Perjanjian ini, atau jika **KONTRAKTOR** melanggar mana-mana terma atau syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian ini.
- 5.3. Sekiranya bayaran dibuat kepada **DATUK BANDAR** berikutan daripada apa-apa tuntutan terhadap Bon Pelaksanaan, **KONTRAKTOR** hendaklah mengemukakan satu Bon Pelaksanaan tambahan bagi jumlah yang tidak kurang dari amaun yang dibayar kepada **DATUK BANDAR** supaya amaun Bon Pelaksanaan kekal sepertimana yang dinyatakan pada subklausula 5.1.

6 REPRESENTASI DAN WARANTI

- 6.1. **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa –
- (a) **KONTRAKTOR** adalah sebuah syarikat yang sah ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia;

- (b) **KONTRAKTOR** mempunyai kapasiti di sisi undang-undang untuk memasuki dan melaksanakan obligasinya-obligasinya di bawah Perjanjian ini dan untuk menjalankan apa-apa transaksi dan menjalankan perniagaannya sebagaimana yang dihasratkan oleh Perjanjian ini;
- (c) **KONTRAKTOR** telah dan masih berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia melainkan diberikan pengecualian bertulis daripada **DATUK BANDAR**;
- (d) pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kontrak, pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi sebarang peruntukan sama ada –
 - (i) Memorandum dan Artikel Persatuan atau Perlembagaan Syarikat; atau
 - (ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
- (e) tiada tindakan litigasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian, liabiliti, indemniti atau apa-apa tindakan pentadbiran pada masa ini sedang diambil atau akan diambil atau pada pengetahuannya diancam akan diambil yang akan menyebabkan kesan yang teruk terhadap keupayaannya untuk melaksanakan obligasi kewangan atau obligasi lainnya di bawah Perjanjian ini;
- (f) **KONTRAKTOR** telah mengambil langkah yang patut dan perlu untuk membolehkannya menandatangani Perjanjian ini dan seterusnya melaksanakan klausa, terma, syarat dan peruntukan yang terkandung di dalam Perjanjian ini;
- (g) Perjanjian ini merupakan suatu obligasi **KONTRAKTOR** yang sah, sah dan mengikat serta boleh dikuatkuasakan menurut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini;
- (h) **KONTRAKTOR** mempunyai kemahiran dan kepakaran bagi melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan di bawah Perjanjian ini;
- (i) **KONTRAKTOR** mempunyai pegawai dan kakitangan yang kompeten dalam perkhidmatannya untuk memberikan Pembangunan Sistem tersebut;
- (j) **KONTRAKTOR** mempunyai kemampuan kewangan dan teknikal yang cukup untuk melaksanakan Perjanjian ini;
- (k) **KONTRAKTOR** mempunyai kemahiran dan kepakaran bagi melaksanakan tugas-tugas dan obligasi-obligasi di bawah Perjanjian ini; dan
- (l) tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram atau menyalahi undang-undang telah digunakan untuk mendapatkan hak untuk melaksanakan Pembangunan Sistem di bawah Perjanjian ini;

KONTRAKTOR mengakui bahawa **DATUK BANDAR** memasuki Perjanjian ini atas keyakinan representasi dan waranti di atas.

- 6.2. **KONTRAKTOR** selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausa 6.1 di atas hendaklah kekal benar dan tepat dalam semua aspek material sepanjang Tempoh Kontrak kecuali klausa 6.1(e).

7 OBLIGASI KONTRAKTOR

7.1 Am

KONTRAKTOR hendaklah –

- (a) melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik berdasarkan amalan pengurusan yang baik, mengutamakan kepentingan **DATUK BANDAR** dan hendaklah mematuhi undang-undang semasa;
- (b) memberitahu **DATUK BANDAR** dengan serta-merta apabila **KONTRAKTOR** menerima Perintah Kebankrapan atau Perintah Penggulangan, dan dalam keadaan **KONTRAKTOR** hendak menghentikan perniagaan mereka, **KONTRAKTOR** hendaklah memberitahu **DATUK BANDAR** sekurang-kurangnya TIGA PULUH (30) HARI sebelum perniagaannya dihentikan;
- (c) memastikan apa-apa isu yang mungkin berbangkit antara **KONTRAKTOR** dengan mana-mana pihak ketiga berkaitan dengan Perkhidmatan, dan apa-apa perkara lain, hendaklah ditangani dan diselesaikan oleh **KONTRAKTOR** dan tidak boleh dikaitkan dengan **DATUK BANDAR** dengan apa cara jua atau menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**;
- (d) memaklumkan kepada **DATUK BANDAR** secara bertulis dengan serta merta apabila berlaku apa-apa faktor atau kejadian yang boleh menjejaskan pelaksanaan Pembangunan Sistem ini;
- (e) memastikan bahawa pekerja, ejen-ejen atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak **KONTRAKTOR** tidak secara sengaja mengambil atau merosakkan peralatan pejabat dan barang-barang di dalam premis **DATUK BANDAR** dalam apa-apa juga keadaan;
- (f) melaksanakan Pembangunan Sistem dengan memuaskan hati **DATUK BANDAR** menurut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Perjanjian ini;
- (g) mematuhi arahan wakil **DATUK BANDAR**;
- (h) memastikan pasukan projek termasuk semua kakitangan dan personel Kontraktor, pembekal dan pihak ketiga mematuhi semua arahan dan peraturan yang berkuatkuasa di premis Datuk Bandar; dan
- (i) membenarkan **DATUK BANDAR** untuk membuat pemeriksaan pada bila-bila masa bagi memastikan Pembangunan Sistem tersebut disempurnakan dengan baik.

7.2 Pelaksanaan Perkhidmatan

KONTRAKTOR hendaklah –

- (a) melaksanakan Pembangunan Sistem tersebut mengikut Skop Kerja yang ditentukan di **LAMPIRAN 3** dan berdasarkan Jadual Pelaksanaan tersebut yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 6**;
- (b) menyediakan Spesifikasi Keperluan Pengguna (URS) dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pelaksanaan di

LAMPIRAN 6;

- (c) memberi jaminan bahawa semua Perkakasan dan Perisian yang dibekalkan atau dipinjamkan kepada **DATUK BANDAR**, sekiranya ada, dalam menjalankan Pembangunan Sistem tersebut adalah dimiliki oleh **KONTRAKTOR** dan tidak melanggar undang-undang yang berkaitan dengan paten atau hak cipta harta intelek, dan **KONTRAKTOR** bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya terjadi apa-apa tuntutan daripada pelanggaran paten dan hak cipta harta intelek itu dan akan menyelesaikan apa-apa tuntutan dengan tanpa menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**;
- (d) melaksanakan atau memastikan pelaksanaan Helpdesk, Sokongan Operasi, *First Level Support*, *Second Level Support* dan *Third Level Support* untuk **DATUK BANDAR**;
- (e) memastikan pasukan projek yang mahir, cekap, berkecuali dan berpengalaman mengikut carta senarai kakitangan teknikal seperti di **LAMPIRAN 7**. Sekiranya berlaku perubahan senarai kakitangan teknikal, Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar perubahan tersebut dan Datuk Bandar mempunyai hak samada untuk menerima atau menolak perubahan tersebut. Sekiranya Datuk Bandar menerima, maka senarai kakitangan teknikal yang baharu adalah merupakan sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (f) memastikan pakar bidang khusus dilantik iaitu pakar yang akan mempunyai keupayaan intelektual dan kepakaran tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran berkaitan Pembangunan Sistem ini. Individu yang dinamakan sebagai pakar bidang khusus seperti di **LAMPIRAN 8** adalah bertanggungjawab dan tertakluk kepada liabiliti khusus secara individu terhadap Pembangunan Sistem berkaitan Perjanjian ini. Sekiranya berlaku perubahan pakar bidang khusus, Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar perubahan tersebut dan Datuk Bandar mempunyai hak samada untuk menerima atau menolak perubahan tersebut. Sekiranya Datuk Bandar menerima, maka pakar bidang khusus yang baharu adalah merupakan sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (g) mematuhi dan melaksanakan Keperluan Tahap Perkhidmatan di dalam **LAMPIRAN 11**;
- (h) menjalankan Pembangunan Sistem supaya Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian sentiasa berfungsi dengan baik;
- (i) memastikan pasukan projek mematuhi dan melaksanakan Skop Kerja yang diperuntukkan;
- (j) Melaksanakan pelan latihan dan “Transfer of Technology” (TOT); dan
- (k) mengganti rugi **DATUK BANDAR** atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh **KONTRAKTOR**, pekerjanya, ejen-ejennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya.

7.3 Insurans

Dengan kos dan perbelanjaan sendiri, Kontraktor mengemukakan insurans yang sah laku di sepanjang Tempoh Pembangunan Sistem ini di atas nama Datuk Bandar serta membayar apa-apa premium insurans yang berkaitan Pembangunan Sistem ini. Salinan polisi Insurans yang sah dilampirkan di **LAMPIRAN 10** Perjanjian ini. Kewajipan Kontraktor dalam mengemukakan insurans adalah turut meliputi:-

- (a) Insurans Pampasan Pekerja (“Workmen’s Compensation Insurance”) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Pekerja (PERKESO); dan
- (b) Perlindungan Keseluruhan (*Contractor’s All Risk Policy*) termasuk (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) untuk tiap-tiap kejadian bencana.

8 OBLIGASI DATUK BANDAR

DATUK BANDAR hendaklah –

- (a) tertakluk kepada pematuhan **KONTRAKTOR** terhadap terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, membuat pembayaran bagi Pembangunan Sistem yang disediakan oleh **KONTRAKTOR** menurut peruntukan Perjanjian ini;
- (b) membenarkan **KONTRAKTOR** dan ejen-ejen yang diberi kuasa, berserta atau tanpa pekerja-pekerja lain pada masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah diberikan terlebih dahulu masukdan menjalankan Pembangunan Sistem tersebut tertakluk kepada **KONTRAKTOR** mematuhi peraturan dan arahan **DATUK BANDAR**;
- (c) sentiasa memastikan dan memelihara Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi dalam keadaan persekitaran yang sesuai;
- (d) tidak membenarkan pihak lain selain daripada **KONTRAKTOR** untuk menjalankan Pembangunan Sistem tersebut melainkan wujudnya keadaan di mana pihak **KONTRAKTOR** gagal menjalankan Pembangunan Sistem tersebut menurut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Perjanjian ini; dan
- (e) melantik pakar bidang khusus dan memaklumkan kepada **KONTRAKTOR** mengenai pegawai yang perlu dihubungi di premis **DATUK BANDAR** sewaktu kerja-kerja pelaksanaan Pembangunan Sistem tersebut dilakukan oleh **KONTRAKTOR**;

9 PEMERIKSAAN DAN UJIAN PENERIMAAN AWAL (USER ACCEPTANCE TEST (UAT)) BAGI SISTEM APLIKASI, PERKAKASAN DAN PERISIAN

- 9.1 Penerimaan Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian oleh **DATUK BANDAR** adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan UAT bagi modul dalam Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi. Pemeriksaan dan UAT itu akan dilakukan oleh wakil-wakil dari kedua-dua Pihak. Sekiranya wakil dari pihak **KONTRAKTOR** tidak hadir semasa pemeriksaan dan UAT dijalankan, **KONTRAKTOR** tidak berhak mempersoalkan kesahihan perakuan pemeriksaan dan

keputusan penerimaan awal Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian oleh **DATUK BANDAR**.

- 9.2 Walau apapun yang dinyatakan di subklausu 9.1 di atas, sekiranya pemeriksaan spesifikasi tidak dapat dibuat semasa proses penyerahan atas sebarang sebab, **DATUK BANDAR** mempunyai hak untuk menolak mana-mana Sistem Aplikasi, Perkakasan dan/atau Perisian pada bila-bila masa dalam Tempoh Kontrak ini sekiranya **DATUK BANDAR** mendapati Sistem Aplikasi, Perkakasan dan/atau Perisian tersebut rosak, cacat, bermasalah, tidak lengkap atau tidak memenuhi Spesifikasi Teknikal yang ditetapkan.
- 9.3 **DATUK BANDAR** akan mengeluarkan satu perakuan pemeriksaan UAT Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian dan sekiranya berpuas hati dengan Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian yang diserahkan oleh **KONTRAKTOR**.

10 PEMERIKSAAN DAN PROVISIONAL ACCEPTANCE TEST (PAT) BAGI SISTEM APLIKASI, PERKAKASAN DAN PERISIAN

- 10.1 Selepas pemeriksaan dan ujian yang dijalankan menurut klausa 9, **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan semua modul dalam Sistem Aplikasi menjalani ujian fungsi tanpa ralat (bugs) mengikut Skop Kerja dan berdasarkan Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan.
- 10.2 Penerimaan Pembangunan Sistem tersebut oleh **DATUK BANDAR** adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan PAT bagi modul dalam Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi yang dilakukan oleh wakil-wakil dari kedua-dua Pihak. Sekiranya wakil dari pihak **KONTRAKTOR** tidak hadir semasa pemeriksaan dan PAT dijalankan, **KONTRAKTOR** tidak berhak mempersoalkan kesahihan perakuan pemeriksaan dan keputusan penerimaan sementara Aplikasi oleh **DATUK BANDAR**.
- 10.3 **DATUK BANDAR** akan mengeluarkan satu perakuan pemeriksaan dan PAT bagi Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi dan sekiranya berpuas hati dengan keputusan, pemeriksaan dan ujian ke atas Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian itu.

11 PEMERIKSAAN DAN UJIAN PENERIMAAN AKHIR (FINAL ACCEPTANCE TEST (FAT)) APLIKASI DAN PENTAULIAHAN

- 11.1 Selepas pemeriksaan dan ujian dijalankan menurut klausa 9 dan klausa 10, **KONTRAKTOR** hendaklah menjalankan kerja-kerja mengkonfigurasi, mentauliah dan mendokumentasikan Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi mengikut Skop Kerja dan berdasarkan Jadual Pelaksanaan.
- 11.2 Penerimaan Pembangunan Sistem tersebut oleh **DATUK BANDAR** adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan FAT bagi modul dalam Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi yang dilakukan oleh wakil-wakil dari kedua-dua Pihak. Sekiranya wakil dari pihak **KONTRAKTOR** tidak hadir semasa pemeriksaan dan FAT dijalankan, **KONTRAKTOR** tidak berhak mempersoalkan kesahihan perakuan pemeriksaan dan keputusan penerimaan akhir Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian oleh **DATUK BANDAR**.

- 11.3 **DATUK BANDAR** akan mengeluarkan satu perakuan pemeriksaan dan FAT untuk semua modul dalam Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi sekiranya berpuas hati dengan Jadual Pelaksanaan yang diserahkan oleh **KONTRAKTOR**.

12 PERAKUAN PENGGUNAAN DAN PENTAULIAHAN

- 12.1 Tertakluk kepada klausa 9, 10 dan 11, **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian dapat berfungsi dengan lancar dan baik serta telah mematuhi semua kerja pembangunan aplikasi mengikut Skop Kerja dan berdasarkan Jadual Pelaksanaan.
- 12.2 Penerimaan Pembangunan Sistem tersebut oleh **DATUK BANDAR** adalah tertakluk kepada pemeriksaan dan FAT semua modul dalam Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi yang dilakukan oleh wakil-wakil dari kedua-dua Pihak.
- 12.3 **DATUK BANDAR** akan mengeluarkan perakuan penggunaan dan Pentauliahan Sistem Aplikasi, Perkakasan dan Perisian termasuk data migrasi dan integrasi sekiranya berpuas hati dengan Pembangunan Sistem tersebut yang diserahkan oleh **KONTRAKTOR**.

13 HAK DATUK BANDAR MEMOTONG DARIPADA WANG YANG PERLU DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR (SET OFF)

- 13.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal atau enggan membayar suatu amaun penalti, ganti rugi, pampasan atau lain-lain tuntutan yang dikenakan terhadap **KONTRAKTOR** menurut Perjanjian ini, maka **DATUK BANDAR** berhak memotong daripada apa-apa wang yang perlu dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud pembayaran tersebut dan sekiranya wang yang perlu dibayar oleh **DATUK BANDAR** kepada **KONTRAKTOR** itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan **DATUK BANDAR**, **DATUK BANDAR** berhak menuntut baki tuntutan itu terus daripada **KONTRAKTOR** dan **KONTRAKTOR** hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya empat belas (14) hari selepas menerima tuntutan itu. Klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun Perjanjian ini tamat atau ditamatkan.
- 13.2 Kegagalan atau keengganan **KONTRAKTOR** membayar kos, pampasan atau penalti di bawah Perjanjian ini memberi hak kepada **DATUK BANDAR** untuk merampas Bon Pelaksanaan.

14 GANTI RUGI TETAP (LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES)

- 14.1 Bagi hal Pembangunan Sistem tersebut yang lewat diserahkan dari tarikh ujian penerimaan awal ("UAT") dan/atau tarikh ujian penerimaan sementara ("PAT") dan/atau tarikh ujian penerimaan akhir ("FAT") dan/atau tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan, tanpa prejudis kepada lain-lain remedi yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** berhak untuk mengenakan Ganti Rugi Tetap sebanyak RM<dalam perkataan> sehari bagi setiap hari kelewatan Pembangunan Sistem sehingga Pembangunan Sistem dilaksanakan dengan sempurna.

14.2 Sekiranya **KONTRAKTOR** berhasrat untuk memohon lanjutan masa bagi membekalkan Pembangunan Sistem tersebut yang lewat diserahkan seperti yang dinyatakan di Klausa 4.2(b) di atas, **DATUK BANDAR** mempunyai hak mutlak dalam menentukan pelanjutan masa tersebut dan apa-apa lanjutan yang dipersetujui akan dibuat menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak. **DATUK BANDAR** boleh mempertimbangkan untuk memberikan lanjutan masa tanpa mengenakan sebarang denda tetapi sekiranya denda dikenakan sepertimana yang tertera di subklause 14.1, **DATUK BANDAR** hendaklah menyerahkan notis untuk tujuan tersebut kepada **KONTRAKTOR**.

15 HAK DATUK BANDAR APABILA MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA PEMBANGUNAN SISTEM TERSEBUT TIDAK DISERAHKAN

15.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal atau enggan untuk menyerahkan atau melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada Pembangunan Sistem tersebut, **DATUK BANDAR** tanpa prejudis kepada remedi-remedi lain yang diperuntukkan dibawah Perjanjian ini, berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan keseluruhan atau sebahagian Pembangunan Sistem yang gagal atau enggan diserahkan atau dilaksanakan oleh **KONTRAKTOR** dan semua kos yang sepatutnya dibayar kepada oleh **DATUK BANDAR** kepada pihak ketiga itu hendaklah ditolak daripada kos yang sepatutnya dibayar kepada **KONTRAKTOR**.

15.2 Jika harga bagi mendapatkan apa-apa Pembangunan Sistem daripada pihak ketiga tersebut melebihi harga dalam Perjanjian ini, **KONTRAKTOR** hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada **DATUK BANDAR**. Kegagalan atau keengganan **KONTRAKTOR** membayar pampasan itu memberi hak kepada **DATUK BANDAR** untuk merampas Bon Pelaksanaan.

15.3 Bagi tujuan klausa ini, maksud 'gagal atau enggan' hendaklah secara keseluruhannya ditentukan oleh **DATUK BANDAR**. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar oleh **KONTRAKTOR**.

16 WARANTI

16.1 **KONTRAKTOR** hendaklah memberikan tempoh waranti bagi Sistem yang tidak kurang daripada dua belas (12) bulan, bermula dari tarikh akhir Pengesahan Sijil FAT bagi keseluruhan Sistem.

16.2 Dalam tempoh waranti tersebut, **KONTRAKTOR** adalah tertakluk kepada terma-terma yang dinyatakan dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan di **LAMPIRAN 11**.

16.3 **DATUK BANDAR** berhak mengenakan penalti dalam pembetulan ralat Pembangunan Sistem yang dilaporkan sekiranya **KONTRAKTOR** gagal melaksanakan obligasi seperti yang dipersetujui dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan sebagaimana dinyatakan di **Lampiran 11**. Penalti tersebut boleh dipotong daripada sebarang bayaran yang perlu dibayar kepada **KONTRAKTOR**.

16.4 Sekiranya dalam tempoh waranti, **DATUK BANDAR** mendapati bahawa mana-mana Sistem, Perkakasan, atau Perisian yang dibekalkan tidak berfungsi dengan memuaskan atau mengalami kerosakan yang bukan disebabkan oleh penyalahgunaan atau kecuaiannya, **DATUK BANDAR**, **KONTRAKTOR** hendaklah, tanpa sebarang bayaran tambahan kepada **DATUK BANDAR**:

- (i) membuat pembaikan yang diperlukan; dan
- (ii) jika perlu, menggantikan mana-mana Sistem, Perkakasan, atau Perisian yang rosak dengan unit baharu yang mempunyai **Spesifikasi Teknikal** yang setara atau lebih baik sebagaimana dinyatakan di **Lampiran 4**,

dan semua pembaikan dan penggantian hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR**. Selain itu, laporan berkaitan kerosakan, kerja-kerja pembaikan, dan penggantian hendaklah dikemukakan kepada **DATUK BANDAR** dalam dua (2) salinan dalam tempoh yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR**.

- 16.5 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal membaiki atau mengganti Sistem, Perkakasan atau Perisian yang tidak berfungsi dengan memuaskan atau rosak, maka **DATUK BANDAR** boleh sama ada –
- (a) mendapatkan khidmat mana-mana pihak ketiga bagi membaiki mana-mana modul dalam Sistem atau mengganti Perkakasan atau Perisian itu yang mana semua kos yang perlu dibayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh **KONTRAKTOR**; atau
 - (b) memulangkan Perkakasan atau Perisian berkenaan dan **KONTRAKTOR** hendaklah membayar pampasan sebanyak harga asal perolehan Perkakasan dan Perisian tersebut.
- 16.6 Sekiranya berlaku kelewatan pembaikan atau penggantian mana-mana modul dalam Sistem, Perkakasan atau Perisian, atau mana-mana modul dalam Sistem, Perkakasan atau Perisian gantian yang dibekalkan tidak mengikut Spesifikasi Teknikal yang telah ditetapkan, maka **DATUK BANDAR** boleh mengenakan Ganti Rugi Tetap atau denda lain yang ditentukan oleh **DATUK BANDAR**.
- 16.7 **KONTRAKTOR** hendaklah melaksanakan pembaikan Pembangunan Sistem, termasuk penggantian alat ganti bagi Perkakasan dan Perisian yang dibekalkan, secara percuma sepanjang tempoh Waranti.

17 KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

- 17.1 **KONTRAKTOR** hendaklah melaksanakan kerja-kerja Pembangunan Sistem mengikut Keperluan Tahap Perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam **LAMPIRAN 11**. Ini termasuk pematuhan terhadap tahap kecekapan, masa respons, penyelesaian masalah, dan ketersediaan sistem seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian ini. Keperluan ini bertujuan memastikan Pembangunan Sistem berfungsi secara optimum serta memenuhi kehendak operasi **DATUK BANDAR** tanpa gangguan yang boleh menjejaskan Pengguna.
- 17.2 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal menyempurnakan kerja-kerja pembaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan di dalam Keperluan Tahap Perkhidmatan, **DATUK BANDAR** berhak mengenakan penalti ke atas **KONTRAKTOR**. Penalti ini akan dikira berdasarkan kaedah yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN 11**, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemotongan dari Harga Kontrak atau sebarang tindakan remedi lain yang bersesuaian bagi memastikan **KONTRAKTOR** bertanggungjawab atas ketidaksempurnaan tersebut.

18. PENYEDIAAN LAPORAN, DOKUMENTASI DAN MANUAL

- 18.1 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan laporan-laporan berkaitan pelaksanaan Pembangunan Sistem tersebut seperti yang dinyatakan dalam Skop Kerja di **LAMPIRAN 3** dan Senarai Deliverables di **LAMPIRAN 12** dan hendaklah dikemukakan kepada **DATUK BANDAR** dalam tempoh yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR**.
- 18.2 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) salinan semua dokumentasi, manual atau laporan yang telah dikemas kini yang berkaitan dengan semua aktiviti bagi Pembangunan Sistem tersebut . Segala kerja-kerja penggantian Peralatan dan servis yang diberikan kepada Pengguna perlu direkodkan.
- 18.3 **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan sebarang perubahan pada mana-mana modul atau fungsi perlu mendapat kelulusan **DATUK BANDAR**.
- 18.4 **KONTRAKTOR** hendaklah mengemas kini rekod bagi semua perubahan kepada Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi yang dilakukan kepada sistem dan mengemukakannya kepada **DATUK BANDAR** dengan penjelasan.
- 18.5 **KONTRAKTOR** hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut tanpa sebarang bayaran tambahan dikenakan kepada **DATUK BANDAR**:
- (a) menyediakan dokumentasi sistem terutama apabila ada pembaikan atau perubahan Perkakasan dan Perisian atau modul-modul Pembangunan Sistem yang telah dibuat;
 - (b) mengemas kini dokumentasi dan memastikan dokumentasi yang dibekalkan adalah terkini; dan
 - (c) menyediakan dokumentasi-dokumentasi berkaitan Pembangunan Sistem, penyelenggaraan Sistem , “*on site support*” dan kerja-kerja operasi apabila diperlukan oleh **DATUK BANDAR**.

19. LATIHAN DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI

- 19.1 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan latihan-latihan dan program pemindahan teknologi yang akan dihadiri oleh pegawai-pegawai yang akan dipilih oleh pihak **DATUK BANDAR**.
- 19.2 **KONTRAKTOR** hendaklah melatih kakitangan **DATUK BANDAR** supaya mereka menjadi cekap dan semua Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi dapat diselenggara oleh pegawai-pegawai **DATUK BANDAR** pada akhir Tempoh Kontrak ini.
- 19.3 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan program latihan yang komprehensif kepada pegawai-pegawai **DATUK BANDAR** bagi memastikan pemindahan teknologi ini berjalan lancar.
- 19.4 **KONTRAKTOR** hendaklah menyediakan garis panduan dan bahan rujukan komprehensif dalam program pemindahan teknologi ini untuk **DATUK BANDAR**.

20 HAKMILIK DAN PENYERAHAN KOD SUMBER SISTEM, PERKAKASAN DAN PERISIAN

- 20.1 **KONTRAKTOR** dengan ini bersetuju untuk menyerahkan kod sumber sistem/perisian kepada **DATUK BANDAR** tanpa sebarang kos tambahan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh FAT yang dinyatakan di klausa 11 Perjanjian ini. Kod sumber tersebut hendaklah :
- (i) disertakan dengan dokumentasi teknikal lengkap, termasuk arahan pemasangan, konfigurasi, dan manual pengguna yang terperinci;
 - (ii) lengkap serta berfungsi sepenuhnya tanpa sebarang sekatan teknikal, dan *compatible* dengan sistem yang digunakan oleh **DATUK BANDAR**;
 - (iii) dihantar dalam format yang boleh diakses, diselenggara, dan diubahsuai oleh **DATUK BANDAR** tanpa sekatan hak cipta, lesen, atau kebergantungan terhadap **KONTRAKTOR**.
- 20.2 Sekiranya kod sumber yang diserahkan didapati tidak lengkap, tidak berfungsi, atau tidak *compatible* dengan sistem **DATUK BANDAR**, **KONTRAKTOR** hendaklah membetulkan dan menyerahkan semula kod sumber tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis bertulis daripada **DATUK BANDAR**.
- 20.3 Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal menyerahkan kod sumber yang memenuhi keperluan sebagaimana yang ditetapkan di klausa 20.1 dan klausa 20.2 di atas dalam tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan **KONTRAKTOR** dikenakan penalti berjumlah 0.25% daripada jumlah Harga Kontrak bagi setiap hari kelewatan, yang kena dibayar kepada **DATUK BANDAR** atau **DATUK BANDAR** berhak untuk memotong jumlah penalti tersebut daripada Bon Pelaksanaan atau daripada mana-mana bayaran yang perlu dibayar kepada **KONTRAKTOR** dibawah Perjanjian ini.

21. KEMUNGKIRAN OLEH KONTRAKTOR DAN PENAMATAN

21.1 Penamatan oleh **DATUK BANDAR** atas Kemungkiran Perjanjian

21.1.1 Sekiranya **KONTRAKTOR** tanpa apa-apa sebab yang munasabah:-

- (a) menangguhkan pelaksanaan Pembangunan Sistem tersebut daripada masa yang ditetapkan;
- (b) gagal melaksanakan Pembangunan Sistem tersebut secara tekun dan berterusan;
- (c) gagal mematuhi atau melaksanakan Pembangunan Sistem tersebut atau gagal menjalankan obligasi seperti yang dipersetujui di dalam Perjanjian ini;
- (d) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini;
- (e) menolak atau secara berterusan gagal mematuhi notis bertulis daripada Pegawai Penguasa berkenaan;

- (f) gagal mematuhi mana-mana representasi yang dibuat dibawah klausa 6;
- (g) gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini; dan/atau
- (h) gagal melaksanakan Skop Kerja mengikut Keperluan Tahap Perkhidmatan;

DATUK BANDAR boleh memberi notis bertulis selama **empat belas (14) hari** kepada **KONTRAKTOR** dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta **KONTRAKTOR** untuk meremedikannya dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas tarikh notis itu. Sekiranya **KONTRAKTOR** gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh itu atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh **DATUK BANDAR**, **DATUK BANDAR** berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk tujuan itu dan merampas Bon Pelaksanaan.

21.1.2 Penamatan Oleh **DATUK BANDAR** Atas Kemungkiran Am

Sekiranya pada bila-bila masa dalam Tempoh Kontrak –

- (a) suatu perintah atau resolusi dibuat untuk menggulungkan **KONTRAKTOR**, kecuali untuk tujuan pembentukan semula atau penggabungan yang tidak melibatkan pelupusan aset yang mana kepentingan pemiutang adalah terpelihara;
- (b) **KONTRAKTOR** digulungkan atau pegawai penerima dilantik untuk menguruskan aset **KONTRAKTOR** atau **KONTRAKTOR** menyerahhak atau membuat apa-apa penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau memberhentikan pembayaran atau tidak berkemampuan untuk membayar hutang;
- (c) pelaksanaan dibuat terhadap sebahagian besar aset **KONTRAKTOR** kecuali ia telah memulakan tindakan dengan suci hati untuk mengenenpikan pelaksanaan tersebut;
- (d) **KONTRAKTOR** memberi kontrak kecil, memindah milik atau menyerahkan Perjanjian ini untuk dilaksanakan oleh pihak lain, tanpa persetujuan bertulis **DATUK BANDAR**;
- (e) suatu proses tahanan atau pelaksanaan atau proses-proses lain mahkamah yang berbidang kuasa telah dikenakan ke atas atau dikeluarkan kepada **KONTRAKTOR** atau terhadap mana-mana aset **KONTRAKTOR**; atau
- (f) berlaku atau berterusan berlaku apa-apa perkara atau keadaan lain berdasarkan pandangan munasabah oleh **DATUK BANDAR** akan menjejaskan keupayaan **KONTRAKTOR** atau menjadikan **KONTRAKTOR** tidak berupaya untuk melaksanakan Pembangunan Sistem tersebut di bawah Perjanjian ini,

DATUK BANDAR hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis mengenai penamatan kepada **KONTRAKTOR**

dan dengan itu Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta-merta.

21.1.3 Penamatan oleh DATUK BANDAR Atas Sebab Rasuah atau Aktiviti-Aktiviti yang Menyalahi Undang-Undang

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak **DATUK BANDAR** yang lain, sekiranya **KONTRAKTOR**, atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya, sama ada dengan atau di luar pengetahuan **KONTRAKTOR** telah terbabit dengan kesalahan rasuah atau apa-apa aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dimeterai antara **DATUK BANDAR** dan **KONTRAKTOR** tersebut, sekiranya ada, **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada **KONTRAKTOR** bagi maksud itu.
- (b) Bagi mengelakkan keraguan, Kedua-dua Pihak dengan ini bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian termasuklah kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.

21.1.4 Kesan-kesan Penamatan oleh **DATUK BANDAR**

Dalam keadaan di mana Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausula 21.1.1 hingga 21.1.3—

- (a) semua kuasa, obligasi dan hak yang diberikan kepada **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta merta;
- (b) **DATUK BANDAR** hendaklah—
 - (i) berhak menuntut daripada **KONTRAKTOR** ganti rugi, kerugian kos dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh **DATUK BANDAR** akibat penamatan Perjanjian ini;
 - (ii) hendaklah membayar kepada **KONTRAKTOR** apa-apa bayaran yang terhutang dan perlu dibayar setakat tarikh notis penamatan Perjanjian;
 - (iii) mempunyai hak untuk menawarkan kontraktor lain bagi tujuan menjalankan dan menyelesaikan Penyelenggaraan yang mana **KONTRAKTOR** hendaklah membayar kepada **DATUK BANDAR** apa-apa kos dan perbelanjaan tambahan yang wujud dan yang mana sepatutnya dibayar kepada **KONTRAKTOR** sekiranya Perjanjian ini tidak ditamatkan;
- (c) **KONTRAKTOR** hendaklah —
 - (i) dengan serta-merta menghentikan Pembangunan Sistem di bawah Perjanjian ini;
 - (ii) atas kos sendiri, mengosongkan dan mengalihkan dari Premis alat-alat yang tidak diperlukan oleh **DATUK BANDAR** dan

KONTRAKTOR, subkontraktor, pekerja atau ejen dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis penamatan dan membaiki apa-apa kerosakan yang diakibatkan daripada pengalihan tersebut;

- (iii) mengemukakan kepada **DATUK BANDAR** tuntutan beserta invois dan dokumen sokongan berhubung dengan yang terhutang dan kena dibayar setakat tarikh notis penamatan untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada **DATUK BANDAR**;
- (iv) menamatkan semua kontrak pihak ketiga yang melibatkan **KONTRAKTOR** berhubung dengan Penyelenggaraan di bawah Perjanjian ini; dan
- (v) menanggung apa-apa kerugian dan kerosakan yang dialami dan/ atau ditanggung oleh **DATUK BANDAR** akibat penamatan Perjanjian ini,

DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa penamatan ini tidak akan menjejaskan atau memberi kesan kepada hak mana-mana Pihak yang telah terakru sebelum tarikh Perjanjian ini ditamatkan ini dan apa-apa obligasi di bawah Perjanjian berhubung dengan apa-apa perbuatan tindakan, perkara atau hal yang berlaku yang wujud sebelum penamatan Perjanjian akan berterusan selepas Perjanjian ditamatkan.

21.2 Penamatan atas sebab kepentingan awam

21.2.1 Walau apa pun peruntukan di bawah Perjanjian ini, **DATUK BANDAR** boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada TIGA PULUH (30) HARI kepada **KONTRAKTOR** (tanpa apa-apa obligasi untuk menyatakan alasan berbuat demikian) setelah mempertimbangkan bahawa penamatan itu perlu untuk kepentingan awam, kepentingan keselamatan negara atau sebab polisi Datuk bandar atau polisi awam.

21.2.2 Bagi tujuan klausa ini, apa yang mewujudkan “kepentingan awam”, “keselamatan negara”, “polisi Datuk Bandar” dan “polisi awam” hendaklah secara keseluruhannya dibuat dan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** sepenuhnya. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar oleh **KONTRAKTOR**.

21.2.3 Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa **KONTRAKTOR** tidak layak untuk menuntut apa-apa bentuk ganti rugi termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan atau apa-apa tuntutan lain berbangkit daripada penamatan Perjanjian ini.

21.2.4 Sekiranya penamatan dibuat di bawah Klausa 21.2 ini, maka peruntukan di bawah Klausa 21.1.4 akan terpakai.

21.3 Penyelesaian Penuh dan Muktamad

Kedua-dua Pihak bersetuju jika Perjanjian ini ditamatkan, **KONTRAKTOR** tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan,

pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya selain yang diperuntukkan mengikut subklausu 21.1.4(b)(ii). Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa pembayaran oleh **DATUK BANDAR** menurut Klausu-Klausu tersebut adalah terjumlah kepada suatu penyelesaian penuh dan muktamad di antara Kedua-dua Pihak.

22. **FORCE MAJEURE**

22.1 **DATUK BANDAR** atau **KONTRAKTOR** hendaklah tidak melanggar obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini jika ia tidak dapat melaksanakan atau memenuhi mana-mana obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) akibat daripada berlakunya kejadian *Force Majeure*. Kejadian "*Force Majeure*" hendaklah bermaksud suatu peristiwa bukan di bawah kawalan Pihak yang terjejas, yang Pihak itu tidak dapat mencegah, mengelak atau menghindari, dan hendaklah bermaksud -

- (i) peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), permusuhan, serangan, tindakan musuh asing, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa, perang saudara, atau tindakan keganasan;
- (ii) radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangannuklear, daripada pembakaran bahan api nuklear, bahan letupan toksik radioaktif, atau sifat-sifat berbahaya yang lain daripada mana-mana bahan letupan, pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya;
- (iii) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau alat peranti aerial lain yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (iv) bencana alam (yang diisytiharkan oleh kerajaan) yang berlaku di sekitar kawasan pelaksanaan Perjanjian ini iaitu gempa bumi, banjir, penenggelaman, dan pembakaran spontan bawah tanah atau mana-mana operasi kuasa alam semula jadi, kilat dan cuaca yang sangat buruk;
- (v) rusuhan, kekecohan dan gangguan, kerosakan jenayah, sabotaj, mogok, sekat masuk, kekacauan buruh atau gangguan industri lain (yang menjejaskan pelaksanaan Perjanjian ini) yang bukan merupakan kesalahan **KONTRAKTOR** atau kontraktornya, atau **DATUK BANDAR**, yang menyebabkan, atau boleh dengan munasabahnya dijangka menyebabkan, mana-mana Pihak gagal untuk mematuhi obligasinya;
- (vi) pandemik atau epidemik; atau
- (vii) apa-apa peristiwa yang tidak dapat diramalkan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan di bawah:
 - a. di luar kawalan munasabah Pihak yang terjejas oleh peristiwa itu, keadaan atau gabungan peristiwa atau keadaan;
 - b. yang tidak dapat diramalkan atau, jika dapat diramalkan, tidak boleh dihalang atau dielak atau diatasi oleh Pihak yang terjejas yang telah mengambil segala usaha yang wajar dan cermat

- c. yang secara langsung menyebabkan Pihak yang terjejas tidak berupaya untuk mematuhi semua atau suatu bahagian material obligasinya di bawah Perjanjian ini; *dan*
- d. yang bukan akibat langsung pelanggaran oleh Pihak yang terjejas obligasinya di bawah Perjanjian ini,

DENGAN SYARAT BAHAWA kejadian *Force Majeure* hendaklah tidak termasuk kemerosotan ekonomi, ketiadaan atau kekurangan dana atau kekurangan pembiayaan di pihak **KONTRAKTOR** untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini.

- 22.2 Jika berlaku sesuatu kejadian *Force Majeure* yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak itu hendaklah serta merta memaklumkan akan kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan mengemukakan laporan terperinci mengenai kejadian *Force Majeure* tersebut dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini. Pihak itu juga hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut serta memitigasikan sebarang kelewatan atau gangguan dalam melaksanakan Perjanjian ini.
- 22.3 Jika Kedua-dua Pihak merasakan bahawa kejadian *Force Majeure* yang berlaku itu berada di tahap yang sebegitu teruk atau telah berterusan untuk suatu tempoh yang sebenarnya menggagalkan niat asal Perjanjian ini, Kedua-dua Pihak kepada Perjanjian ini bolehlah bersetuju bahawa Perjanjian ini boleh ditamatkan atas persetujuan bersama.
- 22.4 Mana-mana Pihak tidak berhak untuk bersandarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam klausa ini melainkan sekiranya Kedua-dua Pihak telah berpuas hati bahawa kejadian *Force Majeure* benar-benar berlaku.
- 22.5 **KONTRAKTOR** hendaklah membuktikan bahawa kejadian *Force Majeure* betul-betul berlaku sebelum **KONTRAKTOR** dapat melepaskan tanggungjawabnya mengikut subklausa 22.1.
- 22.6 Jika Perjanjian ini ditamatkan akibat daripada kejadian *Force Majeure* di bawah subklausa 22.1 di atas, semua hak dan obligasi Kedua-dua Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti, dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi, dan masing-masing tidak bertanggungjawab terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.
- 22.7 Bagi mengelakkan keraguan, Kedua-dua Pihak hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi-obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

23. **KERAHSIAAN**

- 23.1 **KONTRAKTOR** adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] bagi setiap maklumat yang diperolehi daripada **DATUK BANDAR** sepanjang Tempoh Kontrak ini walaupun Tempoh Kontrak telah tamat dengan sendirinya atau Perjanjian

ditamatkan dengan lebih awal mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian ini.

- 23.2 Tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada **DATUK BANDAR, KONTRAKTOR** tidak boleh menyampaikan apa-apa maklumat sulit atau rahsia yang diperoleh oleh **KONTRAKTOR** semasa berurusan dengan **DATUK BANDAR** kepada mana-mana orang, syarikat, pertubuhan atau organisasi. **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat kenyataan kepada orang awam mengenai apa-apa cadangan, penilaian atau pandangan yang dibuat berdasarkan kepada Perjanjian ini dan **KONTRAKTOR** juga tidak boleh membuat sebarang kenyataan akhbar mengenai perkara-perkara di atas tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR** terlebih dahulu.
- 23.3 Klausula 23 ini hendaklah terus berkuat kuasa walau pun setelah Perjanjian ini tamat atau ditamatkan atas apa-apa sebab sekalipun.

24. KESELAMATAN DAN KAWALAN DATA

- 24.1 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab ke atas kerahsiaan, keselamatan, kemusnahan, kerosakan dan/atau kehilangan mana-mana dokumen, fail dan maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian ini. **KONTRAKTOR** juga hendaklah memastikan usaha-usaha yang sewajarnya telah diambil supaya mana-mana dokumen, fail dan maklumat yang dibekalkan oleh **DATUK BANDAR** tidak disalurkan kepada pihak ketiga melainkan telah mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.
- 24.2 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, kemusnahan atau kehilangan dokumen, fail dan maklumat **DATUK BANDAR** seperti mana yang terkandung di Klausula 24.1 di atas termasuk sumber-sumber dokumen dan/atau maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian ini yang disebabkan oleh kecuaiian **KONTRAKTOR** atau ejen-ejenjnya. Suatu penalti yang akan ditentukan oleh **DATUK BANDAR** akan dikenakan kepada **KONTRAKTOR** bagi kerosakan, kemusnahan dan/atau kehilangan ke atas setiap sumber dokumen, fail dan/atau maklumat yang berkaitan.
- 24.3 Mana-mana data, dokumen, fail dan maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian ini yang dibekalkan oleh **DATUK BANDAR** sepanjang Perjanjian ini adalah hakmilik **DATUK BANDAR** sepenuhnya, termasuk apa-apa terbitan (*derivative*) daripada data, dokumen, fail dan maklumat tersebut. **KONTRAKTOR** tidak dibenarkan membuat salinan mana-mana data, dokumen, fail dan maklumat yang berkaitan dengan Perjanjian tanpa kebenaran bertulis **DATUK BANDAR**.

25. INDEMNITI

- 25.1 **KONTRAKTOR** bersetuju dengan **DATUK BANDAR** bahawa:
- 25.1.1 **KONTRAKTOR** akan melaksanakan semua obligasinya di bawah Perjanjian ini atas risikonya sendiri dan melepaskan **DATUK BANDAR**, personel, kakitangan, pekerja dan ejennya daripada segala jenis tuntutan yang berpunca daripada sebarang kerugian, kerosakan, kemalangan, kecederaan atau kematian akibat daripada pelaksanaan Pembangunan Sistem tersebut dan **DATUK BANDAR** tidak akan bertanggungjawab atau menanggung apa-

apa liabiliti berhubung dengan kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian tersebut; dan

25.1.2 **KONTRAKTOR**, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri hendaklah sentiasa dan terus kekal mengindemniti **DATUK BANDAR** daripada dan terhadap segala tindakan guaman, tuntutan, prosiding, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos perundangan), caj dan perbelanjaan lain di mana **DATUK BANDAR** akan atau berkemungkinan untuk dipertanggungjawabkan akibat daripada:

- (a) penggunaan Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi secara cuai, salah guna atau penyalahgunaan oleh **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejen yang dilantik oleh **KONTRAKTOR**;
- (b) sebarang pelanggaran oleh **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejen yang dilantik oleh **KONTRAKTOR** akan mana-mana hak harta intelek, penggunaan atau penyalahgunaan sebarang hakcipta atau hasil seni atau hasil ciptaan, barang atau peralatan yang dipatenkan;
- (c) sebarang kerugian atau kerosakan terhadap harta benda atau sebarang kecederaan atau kematian terhadap mana-mana individu, dengan apa cara atau di mana ia dialami, disebabkan atau disumbangkan dalam pelaksanaan Pembangunan Sistem tersebut oleh **KONTRAKTOR** kepada mana-mana individu dan bukan disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan yang disengajakan, kesilapan, kegagalan atau ketinggalan oleh **DATUK BANDAR**, personel, kakitangan pekerja atau ejennya; atau
- (d) sebarang kerugian atau kerosakan terhadap harta benda atau sebarang kecederaan atau kematian terhadap mana-mana individu daripada apa-apa punca sekalipun oleh Pembangunan Sistem tersebut sehingga ke tahap yang sama sekiranya perkara tersebut terjadi atau disebabkan oleh perbuatan, peninggalan, pengabaian, pelanggaran, kegagalan atau kesilapan **KONTRAKTOR** atau personel, kakitangan, pekerja atau ejennya.

25.2 Obligasi-obligasi di bawah klausa ini akan terus berkuat kuasa walaupun Perjanjian ini tamat atau ditamatkan lebih awal berhubung dengan sebarang perbuatan, perkara atau apa-apa kejadian yang berlaku sebelum Perjanjian ini tamat atau ditamatkan lebih awal.

26 LARANGAN RASUAH, SOGOKAN ATAU AKTIVITI HARAM

26.1 **KONTRAKTOR** dengan ini membuat representasi dan waranti kepada **DATUK BANDAR** bahawa, sebelum dan semasa Tempoh Kontrak berkuat kuasa, tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram, atau pelanggaran undang-undang telah dilakukan untuk mendapatkan hak bagi melaksanakan Pembangunan Sistem di bawah Perjanjian ini. **KONTRAKTOR** juga menjamin pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694] serta mana-mana undang-undang dan peraturan berkaitan rasuah yang berkuat kuasa.

- 26.2 **KONTRAKTOR** hendaklah mematuhi dan memastikan bahawa pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen atau pihak ketiga lain yang melaksanakan Pembangunan Sistem atau menjalankan kewajipan mereka berhubung dengan Perjanjian ini untuk:
- (i) menetapkan dasar dan tatacara pencegahan sogokan dan rasuah **KONTRAKTOR** termasuk kawalan secukupnya dan rekod tepat urus niaga;
 - (ii) Menetapkan dan mematuhi kod tatalaku yang boleh dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan polisi serta dokumen pencegahan sogokan dan rasuah yang berkenaan, dan memastikan Datuk Bandar tidak terdedah kepada sebarang pelanggaran undang-undang atau peraturan berkaitan sogokan dan rasuah;
 - (iii) mengekalkan kawalan yang mencukupi serta menyimpan rekod transaksi yang benar, tepat dan lengkap yang termasuk invois, laporan, penyata, buku akaun, dokumentasi dan rekod berkenaan lain dan memastikan dokumen tersebut tersedia untuk semakan Datuk Bandar pada bila-bila masa.
- 26.3 **KONTRAKTOR** hendaklah memastikan bahawa pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen atau pihak ketiga lain yang terlibat menyedari dan/atau menerima latihan atau kursus berkala yang secukupnya tentang kod tatalaku, undang-undang dan prinsip pencegahan sogokan dan rasuah yang berkaitan.
- 26.4 **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini serta-merta melalui notis bertulis sekiranya **KONTRAKTOR** disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram.
- 26.5 Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, sekiranya terdapat kecurigaan munasabah bahawa **KONTRAKTOR**, pengarah, kakitangan, pembantu, pekerja, pengarah, subkontraktor, ejen, atau mana-mana pihak ketiga lain yang terlibat dalam pelaksanaan Pembangunan Sistem dan/atau menjalankan kewajipan berhubung dengan Perjanjian ini terlibat dalam rasuah atau aktiviti haram, **DATUK BANDAR** berhak untuk menamatkan Perjanjian ini serta-merta melalui notis bertulis tanpa sebarang gantirugi kepada **KONTRAKTOR**.
- 26.6 Kecurigaan munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan audit, laporan penguatkuasaan, dokumen transaksi kewangan, pengakuan bertulis, atau komunikasi rasmi yang menunjukkan kemungkinan besar berlaku rasuah atau aktiviti haram yang boleh mencemarkan imej **DATUK BANDAR** serta menjejaskan prestasi kerja di bawah Perjanjian ini. Keputusan **DATUK BANDAR** dalam membuat penilaian adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.
- 26.7 **KONTRAKTOR** bertanggungjawab terhadap **DATUK BANDAR** dan bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya serta melindungi **DATUK BANDAR** daripada sebarang tuntutan, kehilangan, liabiliti, kerugian, denda, kos, dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman berdasarkan tanggungan rugi) yang timbul akibat daripada:
- (i) sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan pencegahan sogokan dan rasuah oleh **KONTRAKTOR**, pengarah, pekerja, subkontraktor, ejen, atau pihak ketiga lain mereka; dan/atau
 - (ii) penamatan Perjanjian ini disebabkan oleh pelanggaran klausa ini.

27. IKLAN

Tiada iklan atau maklumat mengenai Perjanjian ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah, laman web atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika iklan atau maklumat itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh **DATUK BANDAR** terlebih dahulu kecuali kepada Bursa Saham Malaysia.

28. SUBKONTRAK

28.1 **KONTRAKTOR** tidak boleh memberi subkontrak terhadap Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.

28.2 Jika Perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi subkontrak dengan kebenaran bertulis oleh **DATUK BANDAR** di bawah klausa ini, **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan subkontraktor yang diberi subkontrak itu mematuhi terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

28.3 Sebarang isu yang timbul antara **KONTRAKTOR** dan subkontraktor mengenai Perjanjian ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab **DATUK BANDAR**.

29. SERAH HAK

KONTRAKTOR tidak boleh menyerah hak atau memindah milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa-apa juga wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada **DATUK BANDAR**.

30. PINDAAN

Tiada pindaan, ubahsuai atau pelepasan dalam mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini boleh dikuat kuasakan kecuali ianya dibuat secara bertulis melalui suatu Perjanjian Tambahan yang merujuk secara khususnya kepada Perjanjian ini dan dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

31. HAK MILIK HARTA INTELEK

31.1 **KONTRAKTOR** menjamin bahawa semua Perkakasan ICT, Perisian dan Sistem Aplikasi yang dibekalkan, dihantar, dipasang, diuji, ditauliahkan dan diselenggara kepada **DATUK BANDAR** adalah bukan dipinjam, diciplak serta tidak melanggar hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* pihak lain.

31.2 **KONTRAKTOR** hendaklah melindungi dan menanggung rugi **DATUK BANDAR** terhadap apa-apa tuntutan bagi pelanggaran apa-apa hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* berkenaan Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi di bawah Perjanjian ini dan terhadap semua kos di mana **DATUK BANDAR** perlu menanggung bagi pelanggaran itu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi **DATUK BANDAR** bertanggungjawab.

- 31.3 Jika penggunaan atau pemilikan oleh **DATUK BANDAR** berkemungkinan membawa kepada apa-apa pelanggaran hak harta intelektual, maka **KONTRAKTOR** hendaklah dalam jangka masa yang dipersetujui oleh Kedua-dua Pihak dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk **DATUK BANDAR** hak untuk terus menggunakan atau memiliki Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi atau menggantikan Perkakasan, Perisian dan Sistem Aplikasi tersebut untuk mengelakkan daripada pelanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, **KONTRAKTOR** hendaklah mengganti rugi kerugian langsung yang dialami atau ditanggung oleh **DATUK BANDAR** semasa penggantian itu.
- 31.4 **KONTRAKTOR** hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya jika terdapat apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak di atas pelanggaran hak cipta intelek, paten, *trademark*, *copyright* atau *trade secret* sekiranya ada semasa melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini atau selepas Perjanjian ini tamat dan **KONTRAKTOR** hendaklah menyelesaikan tuntutan tersebut dengan tanpa menjejaskan kepentingan **DATUK BANDAR**.

32. NOTIS

- 32.1 Semua surat-menyurat atau notis yang dikehendaki diberikan kepada **DATUK BANDAR** di bawah Perjanjian ini hendaklah, dialamatkan kepada –

Pengarah
Jabatan Pengurusan Maklumat
Tingkat 11, Menara DBKL 2
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2028 2078
e-mel: jpm@dbk.gov.my

- 32.2 Semua surat-menyurat atau notis yang dikehendaki diberikan kepada **KONTRAKTOR** di bawah Perjanjian hendaklah, dialamatkan kepada –

<Pengarah>
<alamat kontraktor>
<alamat kontraktor >
<alamat kontraktor >

Tel: 03-xxx
E –mel: xxx@ixxxx.com

- 32.3 Apa-apa perubahan kepada alamat di atas oleh mana-mana Pihak hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Pihak yang satu lagi dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh pertukaran alamat tersebut dan tarikh penerimaan notis bagi alamat yang baru adalah tarikh kuat kuasa pemakaian alamat terpinda berkenaan.

- 32.4 Apa-apa surat menyurat atau notis yang tersebut di atas hendaklah –

- (i) sekiranya diserahkan secara sendiri dianggap telah diserahkan pada masa penyerahan tersebut;

- (ii) sekiranya melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa dianggap telah diterima pada hari perniagaan yang kelima setelah ia diposkan; atau
- (iii) sekiranya melalui e-mel, telex atau faks dianggap telah diterima pada hari perniagaan sebaik-baik sahaja ia dihantar dan sekiranya melalui teleks atau faks, tertakluk kepada nota pengesahan penerimaan.

33. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI KEPADA PERJANJIAN

- 33.1 Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Kedua-dua Pihak bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.
- 33.2 Kedua-dua Pihak bersetuju untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, arahan, perintah, kehendak dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa termasuk Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan/Pihak Berkuasa Negeri di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 33.3 **DATUK BANDAR** berhak menolak Pembangunan Sistem tersebut yang tidak mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia mengenai Pembangunan Sistem tersebut.

34. KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos yang terlibat dalam penyediaan Perjanjian ini, duti setem dan apa-apa perbelanjaan sampingan hendaklah ditanggung oleh **KONTRAKTOR**.

35. MASA

Masa bila mana disebutkan hendaklah menjadi inti pati Perjanjian ini.

36. KEBOLEHASINGAN (“SEVERABILITY”)

- 36.1 Sekiranya mana-mana klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan di bawah undang-undang semasa atau undang-undang masa depan, klausa, peruntukan atau bahagian tersebut diboleh asingkan sepenuhnya (*fully severable*).
- 36.2 Sekiranya perkara yang dinyatakan di atas berlaku, Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dilaksanakan seolah-olah klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut tidak pernah membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa, peruntukan atau bahagian yang lain akan kekal dengan sepenuh kesan dan peranannya dan tidak akan terjejas oleh klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal, tidak boleh dilaksanakan tersebut atau oleh pengasingannya daripada Perjanjian ini.

36.3 Sebagai ganti kepada klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian iniyang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut, akan ditambah kepada Perjanjian ini secara automatik klausa, peruntukan atau bahagian (yang seberapa hampir yang boleh maksudnya dengan klausa, peruntukan atau bahagian dalam Perjanjian ini yang didapati tidak sah, batal atau tidak boleh dilaksanakan tersebut) dengan yang sah, tidak batal dan boleh dilaksanakan bagi merealisasikan niat Kedua-kedua Pihak kepada Perjanjian ini.

37. KEUTAMAAN (“PRECEDENCE”)

Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam mana-mana dokumen yang dirujuk di dalam Perjanjian ini, maka dokumen-dokumen tersebut akan diterima pakai menurut susunan keutamaan seperti berikut –

- (a) Perjanjian ini yang telah ditandatangani;
- (b) LAMPIRAN-LAMPIRAN yang dilampirkan bersama-sama Perjanjian ini; dan
- (c) Apa-apa dokumen lain yang dirujuk di dalam Perjanjian ini.

38. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini merupakan persetujuan secara keseluruhan antara Kedua-dua Pihak berkenaan dengan perkara yang diperuntukkan di dalamnya dan mengatasi mana-mana persetujuan atau persefahaman terdahulu antara Kedua-dua Pihak berhubung perkara tersebut.

39. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat mana-mana ejen, wasi, pentadbir, pengganti, penerima pindah milik, pemegang serah hak dan pengganti hak milik bagi **KONTRAKTOR.**

40. LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran-Lampiran di dalam Perjanjian ini hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian ini.

41. PENEPIAN HAK

Kegagalan mana-mana Pihak dalam menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak mentafsirkan kepada suatu penepian terhadap hak, remedi atau peruntukan tersebut.

[Ruangan di bawah sengaja dibiarkan kosong]

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, Kedua-dua Pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini menurunkan tandatangan mereka pada tarikh yang tertulis di atas.

Mohor rasmi)
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR)
Diturunkan menurut **Akta Ibu Kota**)
Persekutuan 1960 [Akta 190])

.....
(Nama dan tandatangan pegawai yang diberikuasa)

Ditandatangani oleh)
<**NAMA KONTRAKTOR**>)
NO PENDAFTARAN KONTRAKTOR ()
Di hadapan)

NAMA :
NO. K/P:

NAMA :
NO K/P :

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN 6. SKOP KERJA

PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

SKOP KERJA

1.0 Am

- 1.1 Objektif utama tender ini adalah untuk **Pembekalan Peranti Dan Pembangunan Sistem Pengurusan Fleet bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**
- 1.2 Aplikasi adalah berasaskan **web, mobile responsive dan juga mobile app** yang mesra pengguna dan akan dibangunkan di dalam persekitaran peranti, perkakasan yang disediakan oleh DBKL.
- 1.3 Sistem yang akan dibangunkan hendaklah **fleksibel dan dinamik** dari segi **proses kerja, antaramuka sistem, integrasi sistem dan lain-lain keperluan.**
- 1.4 Tempoh **pembangunan adalah selama 18 bulan** termasuk *User Acceptance Test, Provisional Acceptance Test (PAT), Final Acceptance Test (FAT), System Integration Test (SIT)* dan Latihan.
- 1.5 Petender yang berjaya adalah tertakluk kepada **Gantirugi Tetap atau Liquidated Ascertain Damages (LAD)** yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu bernilai **(0.25% x Kos Keseluruhan Projek)= RM / hari** bagi setiap hari kelewatan bekalan dan kerja sehingga perkhidmatan tersebut disempurnakan dan diserahkan kepada Datuk Bandar.
- 1.6 Petender perlu menanggung sepenuhnya sebarang kos tambahan disebabkan kelewatan kerja oleh petender dalam tempoh projek.
- 1.7 Petender perlu mewujudkan satu pasukan kerja yang mantap dan berkemahiran tinggi memandangkan banyak aktiviti yang akan dijalankan secara serentak bagi proses yang tiada kebergantungan dengan proses yang lain. Ini bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 1.8 Petender **WAJIB** mengemukakan surat pengesahan (*principle authorization letter*) bagi pembekalan peranti, perkakasan dan perisian (jika berkaitan). Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut akan menyebabkan tawaran petender **DITOLAK**.
- 1.9 Petender hendaklah menanggung sepenuhnya kos lesen perisian yang diperlukan bagi pelaksanaan dan operasi sistem fleet, termasuk

pangkalan data edisi *Standard/ Enterprise*, sistem pengoperasian, *middleware* dan apa-apa komponen sokongan lain. Semua lesen yang disediakan mestilah sah, asli dan diliputi oleh sokongan teknikal daripada pembekal perisian asal (jika berkaitan).

- 1.10 **Aplikasi/Sistem yang dibangunkan/ dibekalkan tidak melibatkan sebarang lesen.**
- 1.11 Petender yang berjaya hendaklah menjalankan penyelenggaraan percuma selama 1 tahun bagi keseluruhan sistem dan perkakasan yang telah dibekalkan, dipasang atau dilaksanakan dalam tempoh jaminan yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Datuk Bandar, tanpa mengenakan apa-apa bayaran ke atas senggaraan yang dilakukan sekiranya berlaku sebarang kerosakan atau ketidak fungsian pada (sekiranya ada):
- a) Sistem
 - b) Keselamatan Sistem
 - c) Pangkalan Data
 - d) Keselamatan Data
 - e) Dan sebagainya yang berkaitan
- 1.12 Petender hendaklah menyediakan Program Pengurusan Perubahan (*Change Management Programme*) kepada pengguna sistem yang meliputi aspek tadbir urus, proses kerja, kemudahan dan infrastruktur ICT serta kompetensi/literasi ICT pengguna
- 1.13 Petender hendaklah menyediakan bahan rekabentuk multimedia untuk poster, *bunting*, brochure dan video/montaj serta lain-lain yang berkaitan dengan sistem bagi tujuan pembentangan, *Change Managment Programme*, promosi sistem dan sebagainya.
- 1.14 Petender hendaklah mempunyai pengalaman kerja 5 tahun ke belakang bagi bidang pembangunan/kejuruteraan aplikasi/sistem ICT serta kepakaran teknikal yang berkaitan dengan skop tender.
- 1.15 Petender hendaklah mempunyai pengalaman dan kepakaran teknikal yang luas dalam bidang keselamatan maklumat dan keselamatan ICT dengan mengambil kira kerja-kerja *hardening* terhadap sistem, pangkalan data, kod sumber dan peranti/perkakasan (jika berkaitan)
- 1.16 Kakitangan teknikal bagi bidang pembangunan/kejuruteraan/ aplikasi/sistem ICT/GIS serta kepakaran teknikal yang berkaitan dengan skop tender adalah **DIWAJIBKAN** dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti Resume dan sijil kelulusan/kelayakan pekerja teknikal yang diiktiraf. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut boleh menyebabkan dokumen Petender **DITOLAK**.

- 1.17 Bagi pengkhususan pemasangan peranti telematik fleet, petender hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) kakitangan teknikal yang berpengalaman dalam bidang automatif, dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pemasangan peranti fleet, penyelenggaraan, diagnostik sistem kenderaan serta *troubleshooting* adalah **DIWAJIBKAN** dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti Resume/ pengesahan pengalaman kerja atau sijil kelulusan/kelayakan yang diiktiraf. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut boleh menyebabkan dokumen Petender **DITOLAK**.
- 1.18 Petender bertanggungjawab membuat pemasangan dan memperbaharui *Secure Socket Layer* (SSL) terhadap sistem bagi meningkatkan asas ciri keselamatan sistem.
- 1.19 Petender bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pemulihan sebarang isu sistem yang dikenal pasti melalui log ralat *Web Application Firewall* (WAF) DBKL atau sebarang perisian/ tools pemantauan DBKL yang lain. Petender perlu mengenalpasti punca dan melaksanakan pembetulan supaya sistem kembali berfungsi dengan baik, stabil dan selamat.
- 1.20 Petender bertanggungjawab mengemukakan maklumat yang dikehendaki dengan tepat dan lengkap.
- 1.21 Kegagalan petender mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.

2.0 Pengenalan

- 2.1 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal (JKME) merupakan salah satu jabatan teknikal di DBKL yang memainkan peranan penting dalam memastikan perkhidmatan sokongan kejuruteraan di peringkat DBKL dilaksanakan dengan cekap, selamat dan berkesan.
- 2.2 JKME bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan, penyelenggaraan dan pemantauan ke atas semua aspek berkaitan sistem mekanikal dan elektrik termasuklah pengurusan kemudahan, kenderaan dan jentera, peralatan teknikal serta keperluan penyelenggaraan berjadual. Di samping itu, jabatan ini juga menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada jabatan-jabatan lain bagi memastikan pematuhan kepada piawaian keselamatan, spesifikasi teknikal dan kecekapan tenaga.
- 2.3 Dari segi pengurusan fleet (kenderaan jabatan), JKME memainkan peranan utama dalam merancang keperluan, menyelaras penggunaan dan tempahan serta memastikan penyelenggaraan kenderaan

dijalankan secara berkala dan teratur. Tanggungjawab ini penting untuk menyokong kelancaran operasi harian jabatan serta memastikan keselamatan pengguna dan aset sentiasa terpelihara.

- 2.4 Seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa, JKME turut mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan kecekapan operasi melalui pelaksanaan sistem ICT iaitu Sistem Pengurusan Fleet untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mempunyai keupayaan tinggi untuk menguruskan semua kenderaan DBKL berjumlah 1,732 unit.
- 2.5 *Key-outcomes* dari pelaksanaan pembangunan Sistem Pengurusan Fleet ini adalah :
- i) Pengurusan kenderaan yang lebih sistematik dan telus
 - ii) Semua maklumat berkaitan aset kenderaan disimpan secara digital, berpusat dan mudah dicapai
 - iii) Penjadualan dan pemantauan operasi yang lebih cekap
 - iv) Penyelenggaraan berkala yang konsisten melalui notifikasi automatik
 - v) Penjimatan kos operasi melalui pemantauan bahan api, kos penyelenggaraan dan prestasi kenderaan secara menyeluruh
 - vi) Penyediaan laporan prestasi, kos, penggunaan dan keperluan penyelenggaraan secara konsisten
 - vii) Meningkatkan tadbir urus dan akauntabiliti
 - viii) Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan jabatan

3.0 Skop Kerja

- 3.1 Skop kerja **Pembekalan Peranti Dan Pembangunan Sistem Pengurusan Fleet** adalah meliputi kerja seperti berikut :-

- 3.1.1 Mengkaji
- 3.1.2 Merekabentuk dan Membangun
- 3.1.3 Membekal, menghantar, memasang dan mengkonfigurasi
- 3.1.4 Mengintegrasikan dan Migrasi
- 3.1.5 Mengujitauliah
- 3.1.6 Melatih
- 3.1.7 Mendokumentasi
- 3.1.8 Sokongan teknikal
- 3.1.9 Jaminan

Mohon Rujuk **Bahagian Spesifikasi** di dalam Dokumen Tawaran ini.

3.2 Mengkaji

- 3.2.1 Mengkaji keperluan keseluruhan aspek sistem. Petender perlu melakukan kajian keperluan pengguna secara menyeluruh dan terperinci bagi framework, antara muka, modul sistem dan pangkalan data.
- 3.2.2 Memastikan sistem yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri **dinamik (*non-hardcoded*), scalability, reliability, sedia berintegrasi dan rekabentuk keselamatan yang tinggi.**
- 3.2.3 Memastikan sistem bersifat mesra pengguna dan mudah diselenggara.
- 3.2.4 Memastikan pemilihan pangkalan data bagi pembangunan sistem hendaklah dibuat berdasarkan analisis keperluan sistem yang merangkumi jenis data, jumlah pengguna, kadar kemasukan data, tahap prestasi, keselamatan serta kos lesen.
- 3.2.5 Petender hendaklah mencadangkan pangkalan data yang sesuai dengan mengambil kira sokongan jangka panjang dan keupayaan untuk berintegrasi dengan sistem sedia ada
- 3.2.6 Menjalankan pengurusan projek yang meliputi aktiviti-aktiviti seperti pengurusan skop, pengurusan masa, pengurusan kos, pengurusan sumber manusia, pengurusan kualiti, pengurusan perolehan, pengurusan risiko dan pengurusan komunikasi.
- 3.2.7 Memastikan sistem mempunyai ciri-ciri keselamatan.
- 3.2.8 Petender hendaklah bertanggungjawab bagi kajian semakan terhadap peranti telematik (GPS dan OBD) yang telah terbina sedia ada (*built-in*) pada setiap kenderaan DBKL dilaksanakan terlebih dahulu sebelum dibuat pembekalan untuk memastikan integrasi sistem fleet dengan peranti sedia ada tersebut boleh digunakan, universal, berfungsi dengan baik, stabil dan lancar (jika berkaitan). **Laporan lengkap kajian semakan perlu diserahkan kepada pihak DBKL untuk penilaian semula pembekalan jumlah sebenar peranti.**

3.3 Merekabentuk dan Membangun

- 3.3.1 Merekabentuk dan membangun sistem berdasarkan kajian dan keperluan pengguna.

- 3.3.2 **Membangunkan *mock-up/prototype system* di dalam tempoh kajian keperluan pengguna (URS).** *Mock-up/prototype system* yang dibangunkan hendaklah mengandungi aliran proses kerja dan fungsi-fungsi utama berdasarkan input-input pengguna yang telah dibincangkan.
 - 3.3.3 Membangunkan sistem yang bukan proprietary dan boleh dipertingkatkan (*upgradeable*).
 - 3.3.4 Merekabentuk dan membangun hendaklah dilaksanakan menggunakan peranti, perkakasan dan perisian milik Petender yang dilantik. (jika berkaitan)
 - 3.3.5 Membangunkan integrasi sistem berdasarkan kajian dan keperluan pengguna.
 - 3.3.6 Membangunkan integrasi sistem yang dinamik dan boleh dipertingkatkan (*upgradeable*).
 - 3.3.7 Membangunkan pelan pelaksanaan *data migration*, *data cleansing* dan *data mapping* bagi data-data dari sistem sedia ada (jika berkaitan)
 - 3.3.8 Tempat untuk kerja-kerja pembangunan sistem perlu disediakan oleh petender
- 3.4 Membekal, menghantar, memasang dan mengkonfigurasi
- 3.4.1 Membekal, memasang dan konfigurasi peranti dan perkakasan yang ditetapkan seperti spesifikasi.
 - 3.4.2 Membuat pemasangan dan mengkonfigurasi sistem ke dalam Server Consolidation (*staging dan production*) dan mempunyai sijil dan kepakaran dalam VMWare yang terletak di Data Centre, DBKL.
 - 3.4.3 Membuat pemasangan, mengkonfigurasi, pengujian, dokumentasi dan kerja-kerja berkaitan dalam peranti, perkakasan dan perisian.
 - 3.4.4 Petender perlu memastikan bahawa pemasangan dan konfigurasi peranti, perkakasan dan perisian serta aplikasi sistem dilakukan mengikut jadual dan prosedur. Pengujian dan penyemakan perlu dilakukan ke atas peralatan tersebut sebelum pemasangan dijalankan.
 - 3.4.5 Pembekalan peranti dan perkakasan perlu mempunyai spesifikasi dan teknologi terkini serta *compatible* dengan sambungan kepada perkakasan yang lain

- 3.4.6 Petender hendaklah menyediakan *warranty* peranti dan perkakasan yang dibekalkan sepanjang tempoh kontrak.
- 3.4.7 Kerja-kerja pembekalan hendaklah termasuk kos pemasangan, pengkabelan dan keperluan aksesori / peralatan lain yang diperlukan bagi menyokong penggunaan bersama Sistem Pengurusan Fleet DBKL.
- 3.4.8 Bagi segala kerosakan atau gangguan yang telah dilakukan oleh pihak kontraktor semasa menjalankan kerja-kerja pemasangan/konfigurasi mestilah diperbaiki atau diganti seperti yang asal, serupa, setaraf atau lebih baik dari yang asal.

3.5 Mengintegrasikan dan migrasi

- 3.5.1 Petender perlu memastikan kerja-kerja berkaitan pembangunan antaramuka dan integrasi serta migrasi sistem dilaksanakan dengan sempurna meliputi:
 - 3.5.1.1 Operasi Rangkaian

Integrasi antara platform menggunakan *common set of protocols* yang membenarkan sistem-sistem yang berlainan berkomunikasi antara satu sama lain.
 - 3.5.1.2 Operasi Data

Berkeupayaan untuk mencapai dan memaparkan data maklumat yang diperlukan, yang disimpan dalam pangkalan data atau sistem storan yang berlainan dengan menggunakan teknologi standard yang diiktiraf untuk tujuan capaian data tersebut. Perkhidmatan ini mestilah terjamin selamat dan tidak mendatangkan masalah kepada pihak DBKL.
 - 3.5.1.3 Operasi Aplikasi

Sistem-sistem dapat beroperasi dengan sempurna terhadap aplikasi-aplikasi sistem yang berkaitan, *business logic* dan data.
- 3.5.2 Merancang dan membuat migrasi data dengan mengambil kira aktiviti *data mapping* dan *data cleansing* yang bersesuaian dan berkesan.(jika berkaitan)

3.6 Menguji tauliah

3.6.1 Menguji tauliah aplikasi dan peranti dan perkakasan perlu dilakukan supaya sistem ini dapat digunakan dengan sempurna. Pengujian hendaklah terdiri daripada:

- 3.6.1.1 User Acceptance Test (UAT)
- 3.6.1.2 Provisional Acceptance Test (PAT)
- 3.6.1.3 Final Acceptance Test (FAT)
- 3.6.1.4 System Integration Testing (SIT)

3.6.2 UAT, PAT dan FAT termasuk SIT yang dijalankan adalah berdasarkan URS dan rekabentuk yang dipersetujui.

3.6.3 Petender hendaklah menyediakan data ujian (test data) bagi peringkat ujian iaitu UAT, PAT, FAT & SIT.

3.6.4 DBKL akan melantik pihak ketiga bagi melaksanakan *Security Posture Assessment (SPA)* atau *security tools monitoring* yang lain . Petender bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pemulihan sebarang isu sistem dan teknikal yang dikenal pasti melalui log ralat pemantauan tersebut. Petender perlu mengenalpasti punca dan melaksanakan pembetulan supaya sistem kembali berfungsi dengan baik, stabil dan selamat.

3.6.5 Petender hendaklah memastikan sistem yang dibangunkan dan pembekalan peranti dan perkakasan bebas daripada segala bentuk ancaman keselamatan seperti *application backdoor*, *SQL injection attack* dan lain-lain.

3.6.6 Petender hendaklah melaksanakan proses pengukuhan (*hardening*) tanpa sebarang bayaran tambahan berdasarkan laporan SPA yang dikeluarkan oleh DBKL.

3.6.7 Melaksanakan *post assessment test* selepas tindakan pengukuhan dilaksanakan.

3.6.8 Aktiviti integrasi mesti diuji sepenuhnya dan mematuhi dasar dan prosedur teknikal DBKL. Petender bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sebarang ralat diperbaiki setelah aktiviti pembangunan integrasi selesai.

3.7 Latihan dan *Transfer of Technology (TOT)*

3.7.1 Petender hendaklah memberikan Transfer of Technology (TOT) kepada Pasukan DBKL semasa tempoh projek.

3.7.2 Kemahiran dan TOT terdiri daripada :-

- 3.7.2.1 Sistem Pengurusan Fleet DBKL

- 3.7.2.2 Perisian
- 3.7.2.3 Integrasi
- 3.7.2.4 Perkakasan/ Peranti
- 3.7.2.5 Pangkalan Data
- 3.7.2.6 Technical Configuration
- 3.7.2.7 Lain-lain perkara berkaitan

3.7.3 Petender dikehendaki menyediakan latihan berkaitan sistem kepada pengguna JKME, pegawai Jabatan Pengurusan Maklumat atau lain-lain pengguna yang ditentukan oleh DBKL iaitu :-

- 3.7.3.1 System Administrators Training
- 3.7.3.2 Operation and End Users Training
- 3.7.3.3 Technical Supports and Maintenance Training

3.7.4 Petender perlu mengemukakan skop dan pelan terperinci, jadual, syllabus dan lain-lain.

3.7.5 Tempat, jangkamasa, jumlah peserta, sijil penyertaan, makan minum, pengangkutan, penginapan, dokumen latihan dan perkara yang berkaitan yang telah dipersetujui hendaklah disediakan oleh petender.

3.8 Dokumentasi Pembangunan

Petender hendaklah menyediakan 2 salinan dokumentasi yang lengkap dan bentuk *softcopy* dan bercetak bagi keperluan bekalan dan sistem di mana bekalan melibatkan aplikasi sistem, konfigurasi peranti, perkakasan dan perisian. Antara dokumentasi yang diperlukan ialah seperti berikut:

- 3.8.1 Dokumentasi keterangan sistem, modul dan fungsi arkitektur, aliran kerja/carta aliran sistem, *business process*
- 3.8.2 Pelan Pengurusan Projek
- 3.8.3 Jadual Perancangan projek
- 3.8.4 Dokumentasi Kajian Keperluan Pengguna (URS)
- 3.8.5 Dokumentasi Rekabentuk
- 3.8.6 Dokumen Integrasi
- 3.8.7 Dokumen Dan Pelan Migrasi Data
- 3.8.8 Dokumentasi Pangkalan Data
- 3.8.9 Dokumentasi Pengaturcaraan/Kod Sumber
- 3.8.10 Dokumentasi Pengujian
- 3.8.11 Dokumentasi Latihan
- 3.8.12 Manual Operasi dan Latihan

- 3.8.13 Dokumentasi Pembekalan, Pemasangan, Konfigurasi dan Pengujian Bagi Peranti/Perkakasan/Perisian
- 3.8.14 Laporan status kemajuan projek
- 3.8.15 Laporan penyelenggaraan
- 3.8.16 Kod Sumber
- 3.8.17 Lain-lain dokumen yang diperlukan oleh DBKL

Pelan Pengurusan Projek (Perkara 3.8.2) dan Jadual Perancangan Projek (Perkara 3.8.3) mestilah dikemukakan semasa Mesyuarat Kick Off dan diluluskan oleh Pasukan Projek DBKL.

3.9 Sokongan teknikal

3.9.1 Kakitangan teknikal bagi bidang pembangunan/kejuruteraan/aplikasi/sistem ICT/GIS serta kepakaran teknikal yang berkaitan dengan skop tender adalah **DIWAJIBKAN** dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti Resume dan sijil kelulusan/kelayakan pekerja teknikal yang diiktiraf. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut boleh menyebabkan dokumen Petender **DITOLAK**.

3.9.2 Bagi pengkhususan pemasangan peranti telematik fleet, petender hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) kakitangan teknikal yang berpengalaman dalam bidang automatik, dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pemasangan peranti fleet, penyelenggaraan, diagnostik sistem kenderaan serta troubleshooting adalah **DIWAJIBKAN** dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti Resume/ pengesahan pengalaman kerja atau sijil kelulusan/kelayakan yang diiktiraf. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut boleh menyebabkan dokumen Petender **DITOLAK**.

3.9.3 Petender juga perlu mengemukakan kakitangan yang bertanggungjawab sebagai **First Level dan Second Level Support** lengkap dengan maklumat nama, no. Telefon dan email yang boleh dihubungi.

3.10 Jaminan/Defect Liability Period (DLP)

3.10.1 **Jaminan/DLP sistem akan bermula satu hari selepas Tarikh Project Handover selama 1 tahun** meliputi khidmat sokongan teknikal sistem secara komprehensif, peranti, perkakasan dan perisian yang dibekalkan secara percuma tanpa mengenakan sebarang bayaran.

3.10.2 Dalam melaksanakan projek ini, adalah menjadi tanggungjawab Petender bagi menentukan yang semua pemasangan,

konfigurasi dan keselamatan sistem dan data yang sedia ada tidak dijejaskan operasinya.


- 3.10.3 Jika berlaku sebarang kerosakan atau kegagalan, pihak Petender akan bertanggungjawab sepenuhnya dan perlu memulihkan perjalanan operasi seperti asal ataupun menggantikan perkara-perkara yang telah dirosakkan.
- 3.10.4 Pihak Petender hendaklah merekodkan semua ralat yang berlaku semasa dalam tempoh jaminan selama setahun. Laporan jaminan hendaklah diserahkan dan disahkan Datuk Bandar setelah tempoh jaminan tamat.
- 3.10.5 Petender hendaklah memperbaharui lesen perisian sekiranya terdapat lesen perisian yang telah tamat tempoh sepanjang tempoh jaminan.
- 3.10.6 Menyediakan Laporan Kemajuan Kerja serta melaporkan statusnya
- 3.10.7 Memastikan segala perkhidmatan berkaitan sistem dalam keadaan baik dan sentiasa boleh berfungsi.
- 3.10.8 Perkhidmatan meja bantuan (*Helpdesk*)
- (a) Isnin hingga Jumaat: 7.30 pagi dan 7.30 malam
 - (b) Hari tidak bekerja (termasuk cuti umum): Petender mesti menyenaraikan nombor telefon kakitangan sokongan teknikal untuk pelaporan dan penyelesaian teknikal.
- 3.10.9 Petender akan dikenakan penalti disebabkan oleh kelewatan dalam memberikan perkhidmatan sokongan teknikal sepertimana yang telah ditetapkan; yang disebabkan oleh kedatangan Petender yang lewat atau maklumbalas atau tindakan yang perlu dilaksanakan.
- 3.10.10 Kegagalan Petender untuk memenuhi keperluan/syarat semasa membaiki kerosakan boleh menyebabkan bayaran **penalti** dikenakan sebanyak **20% x Kos Projek / 12 bulan / 30 hari / 24 jam = (RM/jam) ATAU RM 30.00/jam (mana-mana yang lebih tinggi)** untuk setiap kelewatan perkhidmatan setiap hari.
- 3.10.11 SLR yang perlu dipenuhi adalah seperti berikut:

NO	SEVERITY: DEFINITION	CHANNEL	RESPONSE TIME SLR	RESOLUTION TIME SLR
1	<p><u>High / Code 1:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Critical business impact - Major feature/product failure; inconvenient workaround or no workaround exists. - The program is usable but severely limited. 	Telephone, Emel or Web Portal, Whatsapp	< 2 Hours	< 4 Hours (24x7)
2	<p><u>Medium / Code 2:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Moderate business impact - Moderate loss of application functionality or performance resulting in multiple users impacted in their normal functions. 	Telephone, Emel or Web Portal, Whatsapp	< 2 Hours	< 24 Hours (24x7)
3	<p><u>Low / Code 3:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Minimal business impact - Minimal loss of application functionality or performance resulting in one or two users impacted in their normal functions. - Minor feature/product failure, convenient workaround exists / minor performance degradation/not impacting production 	Telephone, Emel or Web Portal, Whatsapp	< 2 Hours	< 48 Hours (24x7)
	<ul style="list-style-type: none"> - Computer peripheral (PC, Laptop, Printer, Scanner, Handheld refer to technical requirement etc 	Telephone, Emel or Web Portal, Whatsapp		< 72 Hours (24x7)

4.0 Jadual Projek

- 4.1 Pembangunan adalah selama 18 bulan termasuk pengujian dan latihan. Projek ini hendaklah disiapkan mengikut jadual pembangunan projek yang ditetapkan.
- 4.2 Pihak Petender hendaklah menyediakan Jadual Kerja yang lengkap, terperinci dan dipersetujui oleh Datuk Bandar serta perlu memaklumkan kepada Datuk Bandar jika terdapat sebarang perubahan kepada mana-mana bahagian jadual tersebut. Berikut adalah jadual pembangunan projek:

CADANGAN JADUAL PROJEK



* Cadangan anggaran tempoh bagi setiap fasa projek

5.0 Keselamatan

- 5.1 Petender hendaklah sentiasa melindungi keselamatan maklumat yang telah diperolehi atau dipasang serta hendaklah menghadkan capaian maklumat kakitangan yang berkaitan sahaja dan tidak membenarkan kebocoran kepada sesiapa yang tidak berkenaan.
- 5.2 Petender hendaklah menandatangani **Borang Akta Rahsia Rasmi dan menjalani Tapisan Keselamatan bagi setiap kakitangan Petender yang berjaya.**
- 5.3 Petender hendaklah memastikan pembangunan sistem memenuhi ciri-ciri keselamatan berdasarkan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat MS ISO/IEC 27001:2013 (ISMS)/MS ISO 9001:2015.
- 5.4 Petender hendaklah sentiasa memastikan semua aktiviti pembangunan serta ciri-ciri fungsian pembangunan sistem adalah mematuhi dan memenuhi keperluan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) DBKL.

6.0 Pasukan Pengurusan Projek

- 6.1 Pihak Petender perlu menyediakan Pasukan Pengurusan Projek hendaklah terdiri daripada 2 kumpulan; Pasukan Pengurusan dan Pasukan Teknikal yang berkemahiran tinggi serta pengalaman mantap dalam bidang tugas yang diperlukan. Pasukan projek ini hendaklah sentiasa bersikap professional, jujur dan bekerjasama dengan kakitangan DBKL bagi menentukan projek ini dapat diselesaikan dengan jayanya.
- 6.2 Pihak Petender juga perlu mengemukakan satu senarai Pasukan Pengurusan Projek yang lengkap dan perlu memaklumkan kepada Datuk Bandar secara rasmi sekiranya terdapat pertukaran dan menggantikannya dengan pengganti yang setara atau lebih baik.
- 6.3 Adalah penting Pasukan Pengurusan Projek yang disediakan oleh pihak petender mempunyai kemahiran dan pengalaman di dalam mengendalikan persekitaran sistem seperti yang dinyatakan di dalam dokumen ini bagi memudahkan kesinambungan pembangunan Sistem dan bagi memastikan tiada kerosakan/kehilangan data/maklumat terhadap sistem sedia ada.
- 6.4 Petender perlu melantik Pengurus Projek yang berkebolehan dan berpengalaman di dalam mengendalikan keseluruhan Projek dengan baik dan cekap dengan memahami kehendak dan keperluan Datuk Bandar serta yang dapat memberi alternatif cadangan yang bernas serta memiliki sijil pengurusan projek (Prince2, PMBOK atau lain-lain).
- 6.5 Petender yang berjaya hendaklah mengemukakan Pelan Pengurusan Projek dan Jadual Perancangan Projek semasa Mesyuarat Kick Off untuk disemak dan dipersetujui oleh Pasukan Projek DBKL.
- 6.6 Datuk Bandar berhak pada bila-bila masa untuk mengarahkan supaya pihak Petender mengganti Pengurus Projek atau mana-mana ahli pasukan projek

yang didapati gagal menjalankan tugasnya dengan baik dan pihak Petender adalah dikehendaki mematuhi arahan tersebut.

8.0 Pengurusan Projek

- 8.1 Pihak Petender perlu melantik seorang Pengurus Projek yang bertauliah (Prince2, PMBOK dan lain-lain) serta mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman di dalam pengurusan projek ICT dan memaklumkan kepada Datuk Bandar perlantikan tersebut bagi memantau dan menyelaraskan perjalanan projek.
- 8.2 Bagi memastikan pengurusan projek dijalankan dengan teratur, Pengurus Projek yang dilantik mestilah menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan seperti pengurusan skop, pengurusan masa, pengurusan kos, pengurusan sumber manusia, pengurusan kualiti, pengurusan perolehan, pengurusan risiko dan pengurusan komunikasi.
- 8.3 Pengurus projek hendaklah mempunyai **pengetahuan dan kefahaman dalam bidang automotif** bagi menyokong pelaksanaan serta pengurusan projek yang berkesan.
- 8.4 Pengurus Projek hendaklah menyediakan laporan kemajuan kerja setiap dua minggu serta jadual-jadual berkaitan yang lengkap bagi menunjukkan status kemajuan projek. Di samping itu, Pengurus Projek juga dikehendaki menyediakan dokumentasi bagi kesemua aktiviti pengurusan projek setiap dua minggu.
- 8.5 Mesyuarat Pengurusan serta perbincangan teknikal & fungsian akan diadakan antara Petender dan pihak DBKL bagi memantau kemajuan projek. Walau bagaimanapun, ini tidaklah menghadkan Petender dan Datuk Bandar dari menyedia / meminta laporan jika perlu dari semasa ke semasa.

9.0 Khidmat Nasihat Dan Sokongan Teknikal

Petender hendaklah memberi khidmat nasihat dan menyediakan kakitangan sokongan teknikal yang mencukupi serta **cekap dan berpengetahuan tinggi**. Khidmat nasihat dan sokongan teknikal yang diberikan adalah **secara percuma** berhubung pembelian, pembangunan, pemasangan dan penyenggaraan peranti, perkakasan, perisian dan sistem **sehingga tamat tempoh kontrak perjanjian**.

11.0 Penyerahan Kod Sumber (*Source Code*)

- 11.1 Kod sumber yang dibangunkan adalah hak milik harta intelek Datuk Bandar Kuala Lumpur. Datuk Bandar berhak untuk mengubahsuai dan membuat pindaan terhadap kod sumber tersebut bagi tujuan peningkatan taraf, pengubahsuaian mengikut keperluan semasa atau keperluan pengguna dan sebagainya.

11.2 Penyerahan kod sumber yang telah dimulakan (*initiate*) dengan Git semasa fasa pembangunan adalah **WAJIB** bagi memastikan kod yang diserahkan sentiasa terkini, boleh *run* pada bila-bila masa serta memudahkan proses pemantauan dan pengurusan versi.

11.3 Petender dikehendaki memilih salah satu daripada dua (2) pilihan berikut:

11.3.1 *Clone repository Master* daripada Persekitaran Git DBKL – *Repository* tersebut hendaklah diklon ke dalam persekitaran lokal komputer petender. Setiap *Commit* dan *Push* hendaklah menggunakan kaedah *branching* dan setiap *Commit* hendaklah dimasukkan semula ke persekitaran Git DBKL mengikut jadual yang telah ditetapkan.

11.3.2 Petender mengkonfigurasi kod sumber di dalam persekitaran Git di lokal komputer milik Petender – Kod Sumber yang telah dimulakan dengan Git hendaklah dimasukkan ke persekitaran Git DBKL melalui Private Repository yang telah diberikan akses oleh DBKL untuk tujuan pemantauan

11.3.3 Pihak Petender hendaklah menyerahkan sepenuhnya kod sumber terkini (format mod pembangunan) beserta penerangan lengkap bagi setiap fungsi di dalam sistem serta yang teruji setelah aktiviti restore yang dilaksanakan. Ini untuk memastikan penyelenggaraan sistem pada masa akan datang berjalan lebih lancar.

12.0 Larangan Rasuah

Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN 7. SPESIFIKASI

**PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

SPESIFIKASI

1. PENGENALAN

- 1.1 Sistem Pengurusan Fleet bagi kegunaan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKME) bertujuan untuk memantau, mengurus dan mengoptimumkan operasi kenderaan DBKL dengan efisien serta pelaporan data secara *real-time*.
- 1.2 Pembangunan sistem ini dapat memudahkan jabatan untuk mengurus maklumat kenderaan, menjejak lokasi kenderaan, menjadualkan penyelenggaraan kenderaan, memantau penggunaan bahan api, mengurus pemandu dan penugasan serta dapat menjana laporan dan analitik operasi kenderaan.

2. MAKLUMAT KENDERAAN DBKL

- 2.1 Jumlah keseluruhan kenderaan DBKL adalah sebanyak 1732 unit meliputi kenderaan protokol, kenderaan berat, jentera, motorsikal dan bas yang diselia oleh JKME dan jabatan-jabatan.
- 2.2 **Skop pelaksanaan projek ini akan melibatkan kenderaan protokol dan bas sahaja (kenderaan yang membawa penumpang)** seperti butiran berikut:
- a) Kenderaan protokol sebanyak 505 unit
 - i) SUV – 217 unit
 - ii) Van – 262 unit
 - iii) Car Saloon – 26 unit

 - b) Bas sebanyak 13 unit

- 2.3 Keterangan terperinci berkaitan kenderaan seperti tahun perolehan, jenama, model, kapasiti dan lain-lain akan dikemukakan semasa tempoh kajian dan semakan kenderaan sedia ada.
- 2.4 Petender hendaklah bertanggungjawab bagi kajian semakan terhadap peranti telematik (GPS dan OBD) yang telah terbina sedia ada (*built-in*) pada setiap kenderaan DBKL dilaksanakan terlebih dahulu sebelum dibuat pembekalan untuk memastikan integrasi sistem fleet dengan peranti sedia ada tersebut boleh digunakan, universal, berfungsi dengan baik, stabil dan lancar (jika berkaitan). **Laporan lengkap kajian semakan perlu diserahkan kepada pihak DBKL untuk penilaian semula pembekalan jumlah sebenar peranti.**

3. FUNGSIAN UTAMA SISTEM

- 3.1 Pembangunan sistem ini hendaklah dibangunkan mengikut keperluan seperti berikut:
- 3.1.1 Sistem berasaskan web, *mobile responsive*, mobile app yang interaktif, dinamik serta mesra pengguna.
 - 3.1.2 Membangunkan platform *mobile apps*
 - 3.1.3 Fungsian yang dinamik yang boleh ditambahbaik dari semasa ke semasa
 - 3.1.4 Antaramuka yang fleksibel dan *compatible* untuk platform mobile yang lain seperti penggunaan kiosk / *touch panel display* yang diletakkan di tempat-tempat awam (jika berkaitan)
 - 3.1.5 API integrasi yang dibangunkan adalah dinamik di mana sedia berintegrasi dengan lain-lain sistem yang mempunyai pelbagai platform (jika berkaitan)
 - 3.1.6 Membangunkan sistem dengan ciri-ciri keselamatan dengan mematuhi semua keperluan-keperluan di dalam Dasar Keselamatan ICT DBKL dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat MS ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) dan MS ISO 9001:2015.
- 3.2 Petender dikehendaki mengenalpasti dan mencadangkan arkitektur sistem yang sesuai termasuk kaedah pengurusan dan pembangunan projek.

4. MODUL-MODUL UTAMA SISTEM

4.1 Modul-modul utama yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut :

4.1.1 Modul Pengurusan Kenderaan

- 4.1.1.1 Menyimpan rekod maklumat asas semua kenderaan DBKL (nombor pendaftaran, jenis dan model, tarikh pembelian, tarikh pendaftaran, jabatan pemilik, tarikh tamat cukai jalan & insurans, nombor plat, jenama dan model, tahun, jenis bahan api, insurans, kilometer semasa, rekod kesalahan jalan raya, kapasiti penumpang dan lain-lain butiran kenderaan berkaitan)
- 4.1.1.2 Mendapatkan maklumat kenderaan melalui integrasi dengan Sistem DCOS
- 4.1.1.3 Status pendaftaran dan cukai jalan
- 4.1.1.4 Mendapatkan status kenderaan semasa (contoh seperti rosak, diselenggara, aktif, tidak aktif) melalui integrasi dengan Sistem DCOS
- 4.1.1.5 Menjejak hayat kenderaan untuk penggantian, penamatan atau pelupusan

4.1.2 Modul Penjadualan Penyelenggaraan

- 4.1.2.1 Mendapatkan rekod penyelenggaraan dan pembaikan asas melalui integrasi dengan Sistem DCOS (seperti butiran tarikh servis, kos bagi tujuan analisa penyelenggaraan di Sistem Pengurusan Fleet
- 4.1.2.2 Penjadualan servis berkala dan pembaikan bagi setiap kenderaan (berdasarkan tarikh dan jarak perjalanan)
- 4.1.2.3 Notifikasi penyelenggaraan akan datang

4.1.3 Modul Penjejakan Lokasi Kenderaan

- 4.1.3.1 Memantau lokasi kenderaan secara real-time
- 4.1.3.2 Data lokasi diperoleh daripada alat GPS yang dipasang pada kenderaan akan dihantar ke sistem melalui API
- 4.1.3.3 Jejak laluan perjalanan
- 4.1.3.4 Kelajuan dan tingkah laku pemandu (brek mengejut,

melebihi had kelajuan, dan masa/lain-lain lagi berkaitan)

4.1.3.5 Sistem menyediakan paparan peta interaktif bagi pemantauan kenderaan, pemandu dan perjalanan secara real-time

4.1.4 **Modul Pengurusan Pemandu**

4.1.4.1 Profil dan lesen pemandu

4.1.4.2 Memantau tugas semasa dan papar sejarah tugas

4.1.4.3 Rekod penilaian prestasi (*basic behavior*) semasa pemanduan

4.1.4.4 Jadual tugas seperti maklumat pemandu, kenderaan dan tugas atau perjalanan

4.1.5 **Modul Pengurusan Bahan Api**

4.1.5.1 Mengisi borang digital (tarikh, liter, lokasi, resit) setelah pemandu mengisi minyak

4.1.5.2 Log penggunaan bahan api dan kos

4.1.5.3 Analisis kecekapan bahan api

4.1.5.4 Pengiraan kadar penggunaan minyak dan perbandingan purata bagi setiap kenderaan bagi kawalan pembaziran atau penyalahgunaan

4.1.6 **Modul Pengurusan Tugas & Perjalanan**

4.1.6.1 Penyediaan Buku Log Kenderaan secara digital

4.1.6.2 Mengurus rekod tugas perjalanan

4.1.6.3 Jabatan membuat permohonan kenderaan (jika berkaitan)

4.1.6.4 Penyelia mencipta tugas (tarikh, masa, destinasi, pemandu, muatan, dan lain-lain)

4.1.6.5 Pemandu menerima notifikasi bagi tugas yang dihantar oleh penyelia

4.1.6.6 Pemandu membuat pengesahan penerimaan tugas

4.1.6.7 Rekod bukti/ pengesahan penghantaran

- 4.1.6.8 Mengemaskini status tugas selesai selepas semua maklumat dilengkapkan
- 4.1.6.9 Sistem boleh menyediakan pilihan konfigurasi untuk menetapkan lokasi tertentu sebagai *check-in* dan *check-out* secara automatik

4.1.7 **Modul Notifikasi**

- 4.1.7.1 Menguruskan notifikasi sistem yang dihantar secara automatik bagi sesuatu proses
- 4.1.7.2 Peringatan servis akan datang, cukai jalan, lesen memandu dan insurans yang hampir tamat tempoh
- 4.1.7.3 Penggunaan bahan api yang tidak normal
- 4.1.7.4 Kecemasan atau kemalangan
- 4.1.7.5 Penghantaran dan penerimaan tugas
- 4.1.7.6 Pengesahan tugas selesai
- 4.1.7.7 Makluman dan peringatan bagi lain-lain proses yang bersesuaian
- 4.1.7.8 Menyediakan fungsi '*blast info*' untuk maklumat pengumuman dan hebahan kepada petugas dalaman dan staf

4.1.8 **Modul Integrasi**

- 4.1.8.1 Integrasi dengan **Sistem DCOS** bagi maklumat berikut:
 - a) Maklumat pegawai dan kakitangan DBKL
 - b) Aset kenderaan
 - c) Penyelenggaraan kenderaan
- 4.1.8.2 Integrasi API pihak ketiga (*third-party*) bagi menggunakan perkhidmatan pemetaan iaitu Google Map yang mempunyai paparan dan ciri-ciri fungsian peta di bawah akaun pengguna yang didaftarkan dan diselaras sepenuhnya oleh DBKL. Fungsian yang diperlukan seperti berikut:
 - a) Jarak perjalanan

- b) Estimation Time Arrival (ETA)
- c) Pergerakan kenderaan secara real time
- d) Sejarah perjalanan
- e) Lokasi semasa semua kenderaan
- f) Perancangan laluan – pilihan laluan paling cepat berdasarkan trafik semasa
- g) Pencarian alamat dan menandakan lokasi
- h) Fungsian-fungsian peta lain yang bersesuaian

4.1.9 Modul Car Pool

- 4.1.9.1 Mengurus permohonan dan penjadualan penggunaan kenderaan secara berkongsi (car pool)
- 4.1.9.2 Staf dan wakil setiap jabatan yang dilantik membuat tempahan kenderaan secara atas talian
- 4.1.9.3 Lokasi/check-point tertentu yang telah ditetapkan sahaja (laluan *pilot*) untuk perkhidmatan car pool tersebut
- 4.1.9.4 Fungsi bagi perkara (3.1.9.3) perlu dinamik bagi memastikan peluasan perkhidmatan car pool kepada laluan-laluan lain atau secara menyeluruh pada masa akan datang
- 4.1.9.5 Sistem boleh membuat analisis permohonan bagi destinasi yang sama serta pada waktu dan tarikh yang hampir sama.
- 4.1.9.6 Sistem akan memberi cadangan senarai car pool aktif yang bersesuaian atau boleh semak jadual car pool yang lain (bilangan penumpang sedia ada, rakan car pool, masa & lokasi, kenderaan yang digunakan)
- 4.1.9.7 Sistem akan mengurus secara automatik bagi memastikan penumpang tidak melebihi kapasiti kenderaan. Memaparkan tempat duduk kosong sekiranya permohonan dibatalkan.
- 4.1.9.8 Sistem akan menghantar notifikasi kepada pegawai-pegawai penyelia bagi tempahan yang telah diluluskan

dan aktif

- 4.1.9.9 Paparan boleh dilihat melalui taburan di atas peta
- 4.1.9.10 Notifikasi kepada staf atau wakil jabatan bagi tempahan yang diluluskan atau tidak diluluskan
- 4.1.9.11 Staf dan pemandu membuat pengesahan perjalanan semasa hari perjalanan
- 4.1.9.12 Memberi maklum balas atau 'rating' kepuasan pelanggan untuk pengalaman perjalanan yang baik
- 4.1.9.13 Sistem memaparkan jadual perjalanan dan car pool melalui bentuk kalendar

4.1.10 **Modul Mobile App**

- 4.1.10.1 Membangunkan mobile apps yang dinamik dan mesra pengguna untuk memantau dan mengurus kenderaan, pemandu, tugas serta operasi fleet secara real-time
- 4.1.10.2 Dibangunkan menggunakan platform IOS dan android
- 4.1.10.3 Mempunyai ciri-ciri keselamatan aplikasi dan data yang tinggi
- 4.1.10.4 Menyediakan fungsi utama sistem seperti
 - a) Tempahan kenderaan secara online
 - b) Pengesahan tempahan
 - c) Penugasan
 - d) Pengesahan penyelia
 - e) Perjalanan
 - f) Paparan peta
- 4.1.10.5 Menyediakan navigasi GPS dan paparan peta melalui integrasi Google Maps
- 4.1.10.6 Menyediakan notifikasi (*push notification*) sistem
- 4.1.10.7 Berintegrasi dengan modul-modul sistem aplikasi dekstop
- 4.1.10.8 Berintegrasi dengan MDM (*Mobile Device Management*) untuk kawalan peranti fleet.

4.1.11 **Modul Dashboard dan Laporan**

- 4.1.11.1 Menyediakan dashboard dan laporan bagi kegunaan pengurusan tertinggi dan operasi harian yang memberi maklumat menyeluruh kepada pengurusan dan status fleet
- 4.1.11.2 Menyediakan laporan-laporan yang diperlukan oleh jabatan mengikut format/template yang ditetapkan.
- 4.1.11.3 Laporan-laporan utama adalah seperti kos operasi dan penyelenggaraan fleet mengikut tempoh tertentu (harian/ mingguan/ bulanan/ tahunan), penggunaan bahan api mengikut kenderaan, prestasi pemandu, kenderaan yang aktif dan tidak aktif
- 4.1.11.4 Laporan statistik penggunaan car pool, penggunaan bahan api dan kadar penjimatan yang telah diperolehi
- 4.1.11.5 Laporan-laporan boleh dimuat turun dalam format PDF/ Excel/ Words
- 4.1.11.6 Laporan Analisis kecekapan
- 4.1.11.7 Keperluan laporan-laporan lain yang lebih terperinci akan dibincangkan di dalam Kajian Keperluan Pengguna (URS)

4.1.12 **Modul Pentadbiran Sistem**

- 4.1.12.1 Pengurusan keselamatan dan akses pengguna mengikut peranan yang ditetapkan seperti:
 - a) Pengurusan tertinggi
 - b) Pengurusan peringkat jabatan
 - c) Penyelia JKME
 - d) Penyelia jabatan
 - e) Pemandu-pemandu
 - f) Pegawai dan kakitangan untuk tempahan
- 4.1.12.2 Fungsian kawalan capaian pengguna adalah dinamik dan boleh dihadkan mengikut akses yang telah ditetapkan seperti aktiviti *view*, *update*, *delete*
- 4.1.12.3 Log audit (*audit trail*) aktiviti pengguna

- 3.2 Paparan halaman utama sistem adalah dinamik dan boleh disesuaikan mengikut setiap akses dan peranan pengguna
- 3.3 Keterangan fungsian dan proses kerja bagi setiap modul akan diperincikan di dalam Kajian Keperluan Pengguna (URS)

5. PEMBEKALAN PERKAKASAN DAN PERISIAN

5.1 Peranti Kenderaan

5.1.1 GPS Tracker

- 5.1.1.1 Untuk jejak lokasi kenderaan secara real-time dan merekodkan sejarah pergerakan / perjalanan
- 5.1.1.2 Kesesuaian yang dipasang pada pelbagai jenis kenderaan (contoh kereta/ van/ lori/ bas)
- 5.1.1.3 Memberi bacaan lokasi yang tepat menggunakan teknologi GPS atau setara
- 5.1.1.4 Menggunakan rangkaian mudah alih (contoh 2G/3G/4G/5G) untuk hantar data ke sistem termasuk untuk kawasan liputan lemah
- 5.1.1.5 Boleh disambung kepada kuasa kenderaan dan mempunyai bateri sandaran (backup)
- 5.1.1.6 Mampu menyimpan data sementara jika tiada liputan rangkaian dan hantar semula apabila rangkaian ada
- 5.1.1.7 *Compatible dan universal* untuk digunakan / integrasi dengan Sistem Pengurusan Fleet yang akan dibangunkan
- 5.1.1.8 Mempunyai input/ouput bagi membolehkan sambungan kepada peranti lain
- 5.1.1.9 Mudah dipasang dan tahan lasak untuk kegunaan harian
- 5.1.1.10 Boleh dihubungkan/ diintegrasikan dengan peranti OBD
- 5.1.1.11 Peranti GPS yang serasi dengan pelbagai model, jenis dan tahun keluaran kenderaan dalam fleet DBKL.
- 5.1.1.12 **Pemasangan peranti GPS boleh dilakukan sama**

ada secara *hardwired* atau menggunakan sambungan kabel *extension*, bergantung kepada kesesuaian kenderaan. Walau apa jua kaedah, pemasangan mestilah kemas, selamat, tidak menjejaskan sistem elektrik kenderaan, serta di lokasi yang terlindung bagi mengelakkan risiko peranti ditanggalkan, terganggu semasa penyelenggaraan atau vandalisme

5.1.1.13 Petender hendaklah bertanggungjawab bagi kajian semakan terhadap peranti GPS yang telah terbina sedia ada (*built-in*) pada setiap kenderaan DBKL dilaksanakan terlebih dahulu sebelum dibuat pembekalan baru untuk memastikan integrasi sistem fleet dengan peranti sedia ada tersebut boleh digunakan, universal, berfungsi dengan baik, stabil dan lancar (jika berkaitan)

5.1.2 OBD (On-Board Diagnostic) Device

5.1.2.1 Untuk pantau keadaan enjin, penggunaan bahan api dan keadaan kenderaan (*healthy*)

5.1.2.2 Mampu membaca dan merekodkan maklumat asas kenderaan seperti kelajuan, jarak perjalanan, status enjin dan tahap bahan api

5.1.2.3 Menggunakan rangkaian mudah alih (contoh 4G/5G) atau Bluetooth/Wi-Fi untuk hantar data ke sistem termasuk untuk kawasan liputan lemah

5.1.2.4 Boleh disambung kepada kuasa kenderaan dan mempunyai bateri sandaran (backup)

5.1.2.5 Mampu menyimpan data sementara jika tiada liputan rangkaian dan hantar semula apabila rangkaian ada

5.1.2.6 Boleh menggunakan bekalan kuasa terus dari port OBD kenderaan

5.1.2.7 *Compatible dan universal* dengan perisian dan Sistem Pengurusan Fleet yang akan dibangunkan tanpa

konfigurasi kompleks

- 5.1.2.8 Mudah dipasang, tahan lasak, sesuai untuk penggunaan berterusan dalam pelbagai keadaan kenderaan
- 5.1.2.9 Boleh dihubungkan dengan peranti GPS
- 5.1.2.10 Peranti OBD yang serasi dengan pelbagai model, jenis dan tahun keluaran kenderaan dalam fleet DBKL.
- 5.1.2.11 **Petender bertanggungjawab untuk memastikan kajian semakan keserasian peranti dengan semua kenderaan lama yang mungkin tidak menyokong standard OBD-II sepenuhnya. Petender juga hendaklah menyediakan penyelesaian alternatif tanpa menjejaskan fungsi dan operasi sistem fleet.**
- 5.1.2.12 **Pemasangan peranti OBD boleh dilakukan sama ada secara *hardwired* atau menggunakan sambungan kabel *extension*, bergantung kepada kesesuaian kenderaan. Walau apa jua kaedah, pemasangan mestilah kemas, selamat, tidak menjejaskan sistem elektrik kenderaan, serta di lokasi yang terlindung bagi mengelakkan risiko peranti ditanggalkan, terganggu semasa penyelenggaraan atau vandalisme**
- 5.1.2.13 Petender hendaklah bertanggungjawab bagi semakan terhadap peranti OBD yang telah terbina sedia ada (*built-in*) pada setiap kenderaan DBKL dilaksanakan terlebih dahulu sebelum dibuat pembekalan baru untuk memastikan integrasi sistem fleet dengan peranti sedia ada tersebut boleh digunakan, universal, berfungsi dengan baik, stabil dan lancar (jika berkaitan). Laporan terperinci berkaitan keperluan ini hendaklah disediakan oleh pihak petender. **Laporan lengkap kajian semakan perlu diserahkan kepada pihak DBKL untuk penilaian semula pembekalan jumlah sebenar peranti.**

5.2 Peranti Mudah Alih (*Mobile Device*) & Kad SIM / Mobile Data Termasuk Perisian *Mobile Device Management* (MDM)

- 5.2.1 Petender hendaklah membekalkan **peranti mudah alih (*mobile device*)** yang serasi (*compatible*) dengan aplikasi Sistem Pengurusan Fleet.
- 5.2.2 Jenis peranti adalah fleksibel, mempunyai platform, OS dan perisian versi terkini, tahan lasak serta mempunyai fungsian peranti *built-in* yang standard (contoh *handheld, smartphone* atau *tablet*) hendaklah dicadangkan oleh petender, dengan syarat memenuhi keperluan teknikal yang bersesuaian dan kelancaran penggunaan sistem.
- 5.2.3 Petender wajib mengemukakan *brochure* bagi spesifikasi peranti mudah alih yang dicadangkan beserta justifikasi cadangan.
- 5.2.4 Peranti boleh dibuat pemasangan aplikasi mobile Sistem Pengurusan Fleet
- 5.2.5 Petender perlu mendaftar, membekal, memasang dan menguji kad SIM jenis M2M
- 5.2.6 Perkhidmatan Kad Sim perlu aktif bermula sehari selepas tarikh serahan sehingga tamat tempoh kontrak
- 5.2.7 Petender hendaklah bertanggungjawab memastikan capaian melalui kad SIM sentiasa aktif, beroperasi baik dan lancar. Sebarang gangguan terhadap capaian perlu dibaikpulih dalam tempoh SLR yang ditetapkan.
- 5.2.8 Pembekalan peranti adalah termasuk solusi kemudahan kawalan peranti iaitu perisian MDM yang mudah diurus selia yang akan dicadangkan oleh petender. Kos pembekalan lesen, memasang dan mengkonfigurasi MDM yang terlibat adalah termasuk di dalam tender ini. Lesen perlu aktif bermula sehari selepas tarikh serahan sehingga tamat tempoh kontrak
- 5.2.9 Navigasi dan paparan pemetaan secara *real-time*
- 5.2.10 Sebagai alat komunikasi dan perhubungan
- 5.2.11 Kemudahan penerimaan *alert* dan notifikasi bagi arahan dan tugasan, maklumat perjalanan, pengesahan dari penyelia
- 5.2.12 Paparan dan kemaskini buku log kenderaan secara digital

- 5.2.13 Paparan maklumat dan status semasa *healthy* kenderaan pada bila-bila masa
- 5.2.14 Pembekalan termasuk aksesori seperti *casing*, *screen protector* dan *dock* untuk letak 'hands-free' di kenderaan
- 5.2.15 Semua pembekalan adalah termasuk kos kerja-kerja pemasangan, konfigurasi dan pengujitauliahan.
- 5.2.16 Petender WAJIB menyertakan Surat Pengesahan Prinsipal dan Sijil SIRIM bagi produk elektronik dan khidmat sokongan teknikal yang disediakan.

6. BACKUP AND RESTORE

- 6.1 Semua server yang terletak dalam infrastruktur *virtualization* DBKL adalah tertakluk kepada polisi dan pelaksanaan *backup* enterprise sedia ada DBKL.
- 6.2 Kontraktor yang berjaya dimohon untuk membentangkan/ mengemukakan rekabentuk sistem, aplikasi, pangkalan data serta melengkapkan borang-borang yang diperlukan bagi menepati keperluan *backup*.
- 6.3 Sistem mampu membuat *backup data (database)* bagi mengelakkan kehilangan data jika berlaku gangguan terhadap rangkaian dan bekalan kuasa.
- 6.4 Petender hendaklah mematuhi prosedur *Backup* dan *Restore* DBKL dengan:
 - 6.4.1 Mematuhi penggunaan perisian Enterprise Backup dan Restore yang digunakan oleh DBKL.
 - 6.4.2 Menyediakan perincian Backup dan Restore termasuk file, folder, jenis format dan lain-lain yang berkaitan dengan sistem yang dibangunkan yang disesuaikan dengan prosedur DBKL.

6.4.3 Petender bertanggungjawab untuk menguji Backup dan Restore yang dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh DBKL

6.5 Petender hendaklah mengemukakan cadangan diagram rangkaian bagi kegunaan peningkatan sistem ini dan akan dimuktamadkan oleh DBKL serta melengkapkan borang- borang yang diperlukan bagi menepati keperluan *backup*.

7. KEPERLUAN-KEPERLUAN LAIN

7.1 Kerja-kerja pembangunan perlulah dibangunkan oleh petender sendiri dan tidak boleh dibangunkan oleh pihak ketiga atau mana-mana pihak yang bukan dari ahli syarikat / petender. Setiap kakitangan teknikal perlulah mengemukakan Penyata Caruman KWSP. Sekiranya petender tidak atau gagal untuk mengemukakan dokumen ini, maka tender petender akan **DITOLAK** dan tidak akan dipertimbangkan

7.2 Petender dikehendaki menyedia dan mengemukakan perancangan aktiviti serta tugas atau program kerja (*work programme*). Jadual mestilah merangkumi kesemua pembangunan, pengujian dan latihan. Cadangan jadual pelaksanaan hendaklah mengambil kira perincian aktiviti, turutan logikal, *timeline* dan pelan pengujian.

7.3 Petender hendaklah menyediakan bahan rekabentuk multimedia untuk *poster, bunting, brochure, video, montaj*, proses kerja atau lain-lain yang berkaitan dengan sistem bagi tujuan pembentangan , promosi dan sebagainya.

7.4 Peningkatan sistem ini harus dibangunkan untuk platform sistem pengoperasian semasa dan terkini serta menyokong pelayar laman web yang popular dan turut menyokong versi sedia ada.

7.5 Petender perlu konfigurasi dan menyelenggara perkakasan dan perisian

serta keperluan asas bagi melaksanakan peningkatan sistem ini termasuk *server*, pangkalan data dan aplikasi yang digunakan.

7.6 Petender dikehendaki memberi cadangan dan pandangan untuk melaksanakan projek ini dari segi proses kerja peningkatan sistem ini dan mana-mana yang dicadangkan baik.

7.7 Petender hendaklah:

7.7.1 Mengambil kira aspek keselamatan bagi jaminan kebolehpercayaan, kesahihan dan integriti maklumat yang berkaitan dengan sistem.

7.7.2 Memastikan data sensitif adalah dalam bentuk "*encrypted*" apabila disimpan dalam pangkalan data atau semasa dipindahkan melalui rangkaian.

7.7.3 Memastikan secara terperinci ciri-ciri keselamatan dan kawalan sistem bagi menjamin kerahsiaan data-data yang terdapat dalam sistem.

7.7.4 Ciri-ciri keselamatan adalah termasuk kawalan dari pencerobohan dan juga ciri-ciri aplikasi sistem seperti had minima kata laluan dan lain-lain mengikut keperluan seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Keselamatan ICT DBKL (DKICT).

7.8 Petender yang berjaya hendaklah menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi dan menjalani Tapisan Keselamatan bagi setiap kakitangan serta mematuhi polisi dan garis panduan keselamatan Dasar Keselamatan ICT DBKL (DKICT).

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN 8. RINGKASAN TENDER

NOTA TERHADAP RINGKASAN TENDER

1. **Ringkasan Tender** hanyalah merupakan **panduan kepada kontraktor** dalam menentukan tawaran pual. Oleh itu rujukan mestilah dibuat terhadap spesifikasi dan lukisan.
2. Harga atau jumlah bagi butir-butir di dalam Ringkasan Tender adalah dianggap merangkumi kesemua tanggungjawab dan kewajipan kontraktor dan segala perkara yang perlu untuk menyiapkan kerja supaya selaras dengan spesifikasi dan lukisan.
3. Kerja-kerja dan bahan-bahan yang dinyatakan di dalam Ringkasan Tender adalah dijelaskan di dalam bahagian spesifikasi yang berkaitan dengannya. Keperluan-keperluan lanjut mungkin dicatatkan di lain-lain bahagian spesifikasi ataupun keperluan ini.
4. Kontraktor mestilah melawat tapak binaan dan mengenalpasti keadaan tapak dan segala aspek kerja sebelum menentukan nilai harga bagi kerja-kerja tersebut.
5. Sebarang kesilapan atau kekurangan di dalam Ringkasan Tender tidak memberi kesan terhadap jumlah tawaran. Kesilapan-kesilapan ini harus diperbetulkan supaya jumlah campuran harga-harga bagi butir-butir di dalam Ringkasan Tender menyamai jumlah tawaran.
6. Jika Pegawai Penguasa berpendapat bahawa harga untuk butir-butir kerja tertentu di dalam Ringkasan Tender tidak munasabah ia berhak mengubahsuaian menyelaraskan harga-harga tersebut asalkan jumlah tawaran tidak berubah.
7. Kesemua butir-butir kerja ditunjukkan dalam lukisan dan dinyatakan di dalam spesifikasi adalah dianggap telah termasuk di dalam tawaran samada ianya disenaraikan di dalam Ringkasan Tender ataupun sebaliknya.
8. Jumlah Harga Tawaran yang ditawarkan dalam dokumen ini adalah **telah termasuk turun naik harga**. Oleh itu, apa-apa kenaikan atau pengurangan dalam turun naik harga tidak akan diambilkira dalam menentukan Jumlah Harga Kontrak Muktamad.

RINGKASAN TENDER**PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini telah melihat serta memahami segala isi kandungan dan arahan di dalam tender dan dengan ini bersetuju membekal buruh, tenaga mahir dan bahan-bahan bagi menyempurnakan kerja-kerja tersebut:-

Jumlah Pukul Keseluruhan tawaran saya/kami bagi tender ini adalah **Ringgit Malaysia**

..... (RM)

yang mana terdiri daripada berikut:

BIL	KETERANGAN	MUKA SURAT	JUMLAH (RM)
A	Pembangunan Sistem	BQ/3	
B	Pembekalan Peranti Kenderaan	BQ/3	
C	Pembekalan Peranti Mudah Alih Dan Kad Sim	BQ/4	
D	PROVISIONAL SUM	BQ/5	390,000.00
JUMLAH TAWARAN KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG TENDER M/S BT/2			

Nota :-

"**PROVISIONAL**" hanya akan digunakan atas arahan Pegawai Penguasa secara bertulis dan jika tidak digunakan samada separuh atau keseluruhannya, jumlah ini akan ditolak daripada jumlah harga kontrak.

JUMLAH TAWARAN KESELURUHAN yang ditawarkan dalam dokumen ini adalah telah termasuk turun naik harga. Oleh itu, apa-apa kenaikan atau pengurangan dalam turun naik harga tidak akan diambilkira dalam menentukan Jumlah Harga Kontrak Muktamad.

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Tender ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Tender.

Tandatangan Petender : _____
 Nama Petender : _____
 Nama Dan Alamat Syarikat : _____

 Tarikh : _____
 Meteri atau Cop Petender : _____
 Tandatangan Saksi : _____
 Nama Saksi : _____
 Jawatan : _____
 Tarikh : _____

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN 9. SENARAI KUANTITI

**PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN
FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

SENARAI KUANTITI (BQ)

Pecahan Harga berdasarkan Spesifikasi yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
A	PEMBANGUNAN SISTEM				
1	Kajian Keperluan Pengguna (URS) (Rujuk SK/4) <ul style="list-style-type: none"> • Petender perlu mengkaji keperluan sistem dan kajian tidak terhad kepada skop dan spesifikasi yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Cadangan fungsian dan proses kerja yang berkaitan dan lebih bersesuaian akan dikaji semula secara terperinci semasa sesi URS bersama pengguna • Tempat, fasiliti, logistik, makan dan minum disediakan oleh pihak kontraktor • Penyediaan dokumentasi dan laporan 				
	Kajian Keperluan Pengguna	Lot	1		
2	Rekabentuk dan Pembangunan (Rujuk SK/5-SK/6) <ul style="list-style-type: none"> • Rekabentuk sistem adalah berdasarkan kajian dan keperluan pengguna. Pembangunan prototype/ mockup system sebaiknya mula dibangunkan bersama di dalam tempoh URS bagi memastikan keperluan pengguna adalah selari serta menepati dengan idea/cadangan rekabentuk sistem yang dibangunkan • Pembangunan sistem • Penyediaan dokumentasi dan laporan 				
	Pembangunan Mockup/ Prototaip Sistem	Lot	1		
	Rekabentuk Sistem	Lot	1		
	Pembangunan Sistem	Lot	1		

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
3	Integrasi (Rujuk SK/7) Penyediaan dokumentasi dan laporan				
	a. Sistem DCOS - Maklumat staf DBKL - Maklumat aset kenderaan - Maklumat asas penyelenggaraan kenderaan	Lot	1		
4	Pengujian Sistem (Rujuk SK/8) <ul style="list-style-type: none"> • Pengujian yang dijalankan adalah berdasarkan URS serta rekabentuk dan pembangunan yang dipersetujui • Penyediaan dokumentasi dan laporan 				
	User Acceptance Test (UAT)	Lot	1		
	Provisional Acceptance Test (PAT)	Lot	1		
	Final Acceptance Test (FAT)	Lot	1		
	System Integration Testing (SIT)	Lot	1		
5	Latihan (Rujuk SK/8-SK/9) <ul style="list-style-type: none"> • Semua keperluan latihan seperti tempat, fasiliti, logistik, makan, minum, penginapan, sijil penyertaan, dokumen latihan dan pengangkutan disediakan sepenuhnya oleh petender. • Latihan secara berterusan kepada pengguna hendaklah dijalankan dalam tempoh Defect Liability Period (DLP) tanpa sebarang kos tambahan. • Penyediaan Manual Latihan dan Operasi Teknikal • Penyediaan dokumentasi dan laporan • Semua kuantiti adalah sementara dan tertakluk kepada pengukuran/penilaian semula 				
	Latihan SME/ Pengguna	Pax	110		

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
	Latihan <i>System Administrator</i>	Pax	10		
	Latihan TOT/ Teknikal	Pax	10		
JUMLAH ITEM A DI BAWA KE RINGKASAN TENDER M/S RT/2					

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
B	Pembekalan Peranti Kenderaan (Rujuk SK/6-SK/7, SPEC/9-SPEC/10) <ul style="list-style-type: none"> • Harga adalah termasuk semua kos melibatkan pembekalan, penghantaran, pemasangan, konfigurasi, pengujian, pentauliahan • Harga adalah termasuk aksesori/ pengkabelan/ wayar yang digunakan untuk menyokong penggunaan peranti adalah termasuk • Penyediaan dokumentasi dan laporan • Semua kuantiti adalah sementara dan tertakluk kepada pengukuran/ penilaian semula 				
	1. GPS <i>Tracker</i>	Set	518		
	2. <i>OBD Device</i>	Set	518		
JUMLAH ITEM B DI BAWA KE RINGKASAN TENDER M/S RT/2					

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
C	<p>Pembekalan Set Peranti Mudah Alih & Sim Kad (Rujuk SK/6, SPEC/12-SPEC/13)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga adalah termasuk semua kos melibatkan pembekalan, penghantaran, pemasangan, konfigurasi, pengujian, pentauliahan • Harga adalah termasuk aksesori/ pengkabelan/ wayar, <i>vehicle dock</i> yang digunakan untuk menyokong penggunaan peranti adalah termasuk • Petender perlu mendaftar, membekal, memasang dan menguji kad SIM jenis M2M dan perkhidmatan kad Sim perlu aktif bermula sehari selepas tarikh serahan sehingga tamat tempoh kontrak • Pembekalan peranti adalah termasuk solusi kemudahan kawalan peranti iaitu perisian MDM yang mudah diurus selia yang akan dicadangkan oleh petender. Kos pembekalan lesen, memasang dan mengkonfigurasi MDM yang terlibat adalah termasuk di dalam tender ini. Lesen perlu aktif bermula sehari selepas tarikh serahan sehingga tamat tempoh kontrak • Penyediaan dokumentasi dan laporan • Semua kuantiti adalah sementara dan tertakluk kepada pengukuran/ penilaian semula 				
	1. Set Peranti Mudah Alih	Set	300		
	2. Pembekalan Kad Sim (M2M)	Set	300		
	3. Pembekalan Lesen <i>Mobile Device Management</i> (MDM) termasuk aplikasi	Set	300		
	JUMLAH ITEM C DI BAWA KE RINGKASAN TENDER M/S RT/2				

BIL	PERKARA	UNIT	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
D	Provisional Sum <i>The main contractor shall not entitle to be reimbursed for any direct loss and expenses incurred to him should any amount of works as allocated in the Bills and also in any other Bills/Section forming this Tender/Contract being omitted from the Contract and not to be done at all by others and/or the contract being terminated by either party as the case may be</i>				
	1. Peranti/ Perkakasan/ Peralatan ICT Keperluan pembelian peranti/ perkakasan/ peralatan ICT baru, tambahan atau membaik pulih				
	2. Sistem / Aplikasi Mobile Keperluan penambahbaikan sistem, aplikasi mudah alih, integrasi sistem termasuk lain-lain keperluan yang menyokong kelancaran sistem <i>Development man days based on rate of:</i> a) System Analyst/Software Engineer b) Programmer/Software Developer (Pengiraan dibuat berdasarkan kos per mandays)	<i>Lump Sum</i>	-	-	390,000.00
	JUMLAH ITEM D DI BAWA KE RINGKASAN TENDER M/S RT/2				390,000.00

Semua perkara mesti mempunyai perincian kadar harga.

NOTA : Jumlah Harga Tawaran yang dikemukakan oleh petender dalam dokumen ini adalah **TIDAK TERMASUK** Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP). Oleh itu, kadar harga yang ditawarkan di dalam Senarai Kuantiti (BQ) dan/atau Jadual Kadar Harga adalah **TIDAK TERMASUK** CJCP.

Sila tentukan 'item' lain (selain di atas) yang perlu bagi sistem yang dicadangkan oleh Petender dengan lengkap dan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan efektif. Kegagalan untuk berbuat demikian semasa penyerahan Tender ini akan menyebabkan Petender bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kos tambahan pembangunan projek.

Saya yang bertandatangan di bawah memperakui harga yang ditawarkan berjumlah Ringgit Malaysia
(RM.....) seperti jadual di atas dan telah diberikuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani Jadual Harga Tender ini bagi pihak petender.

UNTUK KEAGUNAAN TENDER BBKL SAHAJA JA

**PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN
FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

KADAR MAN-DAY

Pecahan Kadar *Man-Day* berdasarkan Spesifikasi yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	PER MAN-DAY
1	Pembangunan berdasarkan kadar <i>man-day</i>:	
	<i>System Analyst/Software Engineer</i>	RM
	<i>Programmer/Software Developer</i>	RM

.....
Tandatangan Petender

Nama :

No K/P :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

.....

Tarikh :

Telefon :

Faks :

.....
Tandatangan Saksi

Nama :

No K/P :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

.....

Tarikh :

Telefon :

Faks :

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN 10. DATA TEKNIKAL

UNTUTUK KELOLAAN TENDER DBKLESAHAJA

**PEMBEKALAN PERANTI DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN FLEET
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Nota penting:

Petender diminta untuk menyiapkan borang/ dokumen berikut dan bagi item **bertanda (*) adalah MANDATORI**, kegagalan melampirkan dokumen berkaitan akan mengakibatkan petender tidak akan dipertimbangkan dan **DITOLAK**.

DATA TEKNIKAL

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
A	UMUM		
PETENDER dikehendaki untuk mematuhi keperluan seperti berikut			
A-1	Tujuan tender ini adalah untuk Pembekalan Peranti dan Pembangunan Sistem Pengurusan Fleet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.		
A-2	Aplikasi adalah berasaskan web, mobile responsive dan mobile app yang mesra pengguna dan akan dibangunkan di dalam persekitaran perkakasan yang disediakan oleh DBKL. Nyatakan butiran platform yang dicadang digunakan di DBKL.		
A-3	Sistem yang akan dibangunkan hendaklah fleksibel dan dinamik dari segi proses kerja, antaramuka sistem, integrasi sistem dan lain-lain keperluan.		
A-4	Skop Kerja akan meliputi kerja-kerja pembekalan peranti/ perkakasan dan pembangunan sistem termasuk jaminan.		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
A-5	Kerja pembangunan sistem meliputi: 1. Mengkaji 2. Merekabentuk & Membangun 3. Membekal, Menghantar, Memasang & Mengkonfigurasi 4. Mengintegrasikan & Migrasi 5. Menguji tauliah 6. Latihan 7. Dokumentasi 8. Sokongan Teknikal 9. Jaminan 10. Langganan (jika berkaitan)		
A-6	Tempoh pembangunan adalah selama 18 bulan termasuk pembekalan peranti, <i>User Acceptance Test</i> (UAT), <i>Provisional Acceptance Test</i> (PAT), <i>Final Acceptance Test</i> (FAT) dan Latihan diikuti jaminan/waranti selama 12 bulan.		
A-7	Petender perlu menanggung sepenuhnya sebarang kos tambahan disebabkan kelewatan kerja oleh petender dalam tempoh projek.		
A-8	Sistem yang dibangunkan dan dinaiktaraf mempunyai ciri-ciri non-hardcoded, scalability, reliability dan rekabentuk keselamatan yang tinggi.		
A-9	Petender yang berjaya adalah tertakluk kepada Gantirugi Tetap atau Liquidated Ascertain Damages (LAD) yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur iaitu bernilai RM (0.25% x Harga Kontrak = RM / hari) untuk jumlah kelewatan kerja yang belum disiapkan sehari.		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
A-10	Petender hendaklah menyediakan Program Pengurusan Perubahan (<i>Change Management Programme</i>) kepada pengguna sistem yang meliputi aspek tadbir urus, proses kerja, kemudahan dan infrastruktur ICT serta kompetensi/literasi ICT pengguna.		
A-11	Petender perlu mewujudkan satu pasukan kerja yang mantap dan berkemahiran tinggi memandangkan banyak aktiviti yang akan dijalankan secara serentak bagi proses yang tiada kebergantungan dengan proses yang lain. Ini bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.		
A-12	* Petender WAJIB mengemukakan surat pengesahan (<i>principle authorization letter</i>) bagi pembekalan perkakasan dan perisian (jika berkaitan). Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut akan menyebabkan tawaran petender DITOLAK .		
A-13	Petender hendaklah sentiasa melindungi keselamatan maklumat yang telah diperolehi atau dipasang serta hendaklah menghadkan capaian maklumat kepada kakitangan yang berkaitan sahaja dan tidak membenarkan kebocoran kepada sesiapa yang tidak berkenaan.		
A-14	Petender hendaklah mematuhi segala keperluan Dasar Keselamatan ICT DBKL (DKICT) serta Prosedur Pengurusan ISMS dan MS ISO 9001:2015 DBKL yang berkaitan		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
A-15	Petender akan menandatangani Borang Akta Rahsia Rasmi beserta menjalani tapisan keselamatan bagi setiap kakitangan Petender yang berjaya.		
A-16	Pihak Petender perlu sentiasa menyediakan kumpulan kakitangan yang mempunyai kemahiran serta pengalaman mantap dalam bidang-bidang tugas yang diperlukan sekurang-kurangnya 30% pekerja Bumiputera di dalam berbagai bidang. Pasukan projek ini hendaklah sentiasa bersikap profesional, jujur dan bekerjasama dengan kakitangan DBKL bagi menentukan projek ini dapat diselesaikan dengan jayanya.		
A-17	Pihak Petender hendaklah menyediakan kakitangan yang mencukupi dan mempunyai kemahiran serta pengalaman dalam bidang-bidang tugas yang diperlukan. Pasukan projek ini hendaklah sentiasa bersikap profesional, jujur dan bekerjasama dengan kakitangan DBKL.		
A-18	Pasukan projek yang disediakan oleh pihak Petender mempunyai kemahiran dan pengalaman di dalam mengendalikan persekitaran sistem seperti yang dinyatakan.		
A-19	Pihak Petender juga perlu mengemukakan satu senarai pasukan projek yang lengkap dan perlu memaklumkan kepada Datuk Bandar secara rasmi sekiranya terdapat pertukaran dan menggantikannya dengan pengganti yang setara atau lebih baik.		
A-20	Pasukan projek yang disediakan oleh pihak Petender mempunyai kemahiran dan pengalaman di dalam		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
	mengendalikan persekitaran sistem seperti yang dinyatakan.		
A-21	Petender perlu melantik Pengurus Projek yang berkebolehan dan berpengalaman di dalam mengendalikan keseluruhan Projek dengan baik dan cekap dengan memahami kehendak dan keperluan Datuk Bandar serta yang dapat memberi alternatif cadangan yang bernas serta memiliki Sijil Pengurusan Projek Profesional.		
A-22	* Kakitangan tersebut hendaklah merupakan kakitangan syarikat petender dan tersenarai dalam senarai pencarum KWSP yang dikemukakan dan senarai ini perlu mendapatkan pengesahan dari KWSP. Sekiranya kakitangan teknikal yang dikemukakan tiada dalam senarai pencarum KWSP, PETENDER TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN . Keanggotaan kakitangan yang dinyatakan juga perlu berterusan sehingga kontrak tamat . Sekiranya terdapat keperluan pertukaran kakitangan teknikal, pihak petender hendaklah menggantikannya dengan pengganti yang setara atau lebih baik . Walau bagaimanapun, Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak menamatkan perkhidmatan ini sekiranya perkara ini berlaku		
A-23	Petender hendaklah melantik Pengurus Projek yang berkebolehan dan berpengalaman dalam mengendalikan keseluruhan Projek dengan baik dan cekap dengan memahami kehendak dan keperluan Datuk Bandar.		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
A-24	Pihak Petender hendaklah melantik seorang Pengurus Projek yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam pengurusan projek ICT dan memaklumkan kepada Datuk Bandar perlantikan tersebut bagi memantau dan menyelaras perjalanan projek.		
A-25	* Kakitangan teknikal bagi bidang pembangunan/kejuruteraan/ aplikasi/sistem ICT/GIS serta kepakaran teknikal yang berkaitan dengan skop tender adalah DIWAJIBKAN dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti Resume dan sijil kelulusan/kelayakan pekerja teknikal yang diiktiraf. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut boleh menyebabkan dokumen Petender DITOLAK		
A-26	* Bagi pengkhususan pemasangan peranti telematik fleet, Petender hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) kakitangan teknikal yang berpengalaman dalam bidang automatif, dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pemasangan peranti fleet, penyelenggaraan, diagnostik sistem kenderaan serta troubleshooting adalah DIWAJIBKAN dengan mengemukakan mengemukakan dokumen sokongan seperti Resume/ pengesahan pengalaman kerja atau sijil kelulusan/kelayakan yang diiktiraf. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut boleh menyebabkan dokumen Petender DITOLAK .		
A-27	Pengurus Projek yang dilantik mestilah menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan seperti pengurusan skop,		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
	pengurusan masa, pengurusan kos, pengurusan sumber manusia, pengurusan kualiti, pengurusan perolehan, pengurusan risiko dan pengurusan komunikasi.		
A-28	Pengurus Projek hendaklah menyediakan laporan kemajuan kerja bulanan serta jadual-jadual berkaitan yang lengkap bagi menunjukkan status kemajuan projek. Di samping itu, Pengurus Projek juga dikehendaki menyediakan dokumentasi bagi kesemua aktiviti pengurusan projek setiap bulan.		
A-29	* Pihak Petender hendaklah mempunyai pengalaman dalam pembangunan Sistem Aplikasi projek ICT yang telah siap dibangunkan dengan mengemukakan Surat Arahan Mula kerja dan Sijil Siap kerja dari agensi kerajaan sahaja bagi setiap projek. Kegagalan mengemukakan dokumen tersebut akan menyebabkan tawaran petender DITOLAK .		
A-30	Kod sumber yang dibangunkan adalah hak milik harta intelek Datuk Bandar Kuala Lumpur. Datuk Bandar berhak untuk mengubahsuai dan membuat pindaan terhadap kod sumber tersebut bagi tujuan peningkatan taraf, pengubahsuaian mengikut keperluan semasa atau keperluan pengguna dan sebagainya.		
A-31	Pihak Petender perlu menyerahkan sepenuhnya kod sumber beserta penerangan lengkap bagi setiap fungsi di dalam Sistem. Ini untuk memastikan penyelenggaraan sistem pada masa akan datang berjalan lebih lancar. Penyerahan kod sumber perlu		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
	dilakukan dalam tempoh pembangunan serta selepas FAT dan perlu diletakkan dan dilarikan di dalam 'Development Workstation' dalam persekitaran ' <i>Development Mode</i> '.		
A-32	Pihak Petender dikehendaki untuk menempatkan kod sumber di dalam mana-mana repositori Git sebagai master . Repositori tersebut hendaklah dikonfigurasi sebagai repository peribadi bagi memastikan privasi dan keselamatan maklumat. URL Git remote master yang berkaitan perlu disediakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tujuan pemantauan.		
A-33	Harga hendaklah termasuk bekalan, pemasangan, konfigurasi, mengujitauliah, khidmat nasihat, sokongan teknikal, latihan, dokumentasi, lesen, langganan, kad sim dan lain-lain jika berkaitan.		
A-34	Petender hendaklah menyediakan bahan rekabentuk multimedia untuk poster, <i>brochure</i> dan video/montaj serta lain-lain yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Fleet bagi tujuan pembentangan, promosi, hebahan sistem dan sebagainya.		
A-35	Petender bertanggungjawab membuat pemasangan dan memperbaharui <i>Secure Socket Layer</i> (SSL) terhadap sistem bagi meningkatkan asas ciri keselamatan sistem		
A-36	Petender hendaklah mempunyai pengalaman dan kepakaran teknikal yang luas dalam bidang keselamatan maklumat dan keselamatan ICT dengan mengambil kira kerja-kerja hardening		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
	terhadap sistem, pangkalan data, kod sumber dan perkakasan (jika berkaitan)		
A-37	Petender bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pemulihan sebarang isu sistem yang dikenal pasti melalui log ralat Web Application Firewall (WAF) DBKL atau sebarang perisian/ tools pemantauan DBKL yang lain. Petender perlu mengenalpasti punca dan melaksanakan pembedulan supaya sistem kembali berfungsi dengan baik, stabil dan selamat.		
A-38	Sistem mampu membuat backup data storage bagi mengelakkan kehilangan data jika berlaku gangguan terhadap rangkaian dan bekalan kuasa.		
A-39	Permintaan untuk perubahan atau dikenali sebagai Change Request (CR) termasuk penambahbaikan sistem dan lain-lain perkara (perkakasan dan perisian), integrasi, migrasi data yang menyokong kelancaran sistem. Ia berlaku di luar jangkaan atau perubahan dasar oleh Pengurusan Tertinggi.. Kelulusan CR mestilah diluluskan oleh Jawatankuasa CR DBKL. Setelah mendapat kelulusan, petender dibenarkan untuk meneruskan pembangunan. Petender mestilah mematuhi tempoh dan kos yang dipersetujui oleh Jawatankuasa		
B	PERANTI, PERKAKASAN DAN PERISIAN		
Server			
B-1	Sistem yang dibangunkan dan peranti, perkakasan dan perisian yang dibekalkan akan dipasang dan		

NO.	PEMATUHAN & SPESIFIKASI	PATUH (YA/TIDAK)	PERINCIAN CADANGAN (Tidak boleh dibiarkan kosong atau dijawab "PATUH". Sila kemukakan brosur atau kertas putih sebagai pembuktian pematuhan)
	dilaksanakan dalam persekitaran yang telah disediakan oleh DBKL.		
B-2	DBKL akan menyediakan infrastruktur server <i>virtualization</i> dalam persekitaran VMWare .		
